



DR 12 TAHUN 2017
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS


PROJEK NAIK TARAF HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL, BATU PAHAT

KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK NAIK TARAF HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL, BATU PAHAT, JOHOR DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA (KKR) DAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)	1-12
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	13-14
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	



**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK MENAIK TARAF
HOSPITAL SULTANAH NORA ISMAIL, BATU PAHAT, JOHOR DI
BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN KEMENTERIAN
KESIHATAN**

1. PENDAHULUAN

Projek menaik taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor yang dilaksanakan Kementerian Kerja Raya bagi pihak Kementerian Kesihatan adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 3 (Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan) yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 19 April 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 10/2017.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada matlamat program yang dilaksanakan menepati serta mencapai objektif utama yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Ketua Audit Negara yang diwakili oleh Pengarah (Prestasi) JAN Persekutuan bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan (KKM), Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Ketua Pengarah Kerja Raya untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Projek ini bernilai RM200.7 juta membabitkan kerja mereka bentuk, membina, menyiapkan, menguji terima, mentauliahkan dan menyenggara kerja naik taraf dewan bedah, wad kecemasan, enam (6) wad perubatan, *high dependency ward*, pusat darah, makmal, pusat perkhidmatan steril, *Computed Tomography Scan* dan sistem pendaftaran masuk wad.

Projek ini telah ditawarkan kepada Sejagat Bakti Sdn. Bhd (Sejagat Bakti) oleh Jabatan Kerja Raya melalui surat tawaran bertarikh 25 Februari 2008. Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Sejagat Bakti telah ditandatangani pada 16 Oktober 2008. Tempoh kontrak adalah selama 33 bulan mulai 16 Mac 2008 hingga 15 Disember 2010.

4.2 Pelantikan Sejagat Bakti dibuat secara Rundingan Terus dan *Fast Track* oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Lapan (8) syarikat perunding yang meliputi perunding arkitek; sivil dan struktur; mekanikal dan elektrik; juruukur bahan; perubatan; peralatan perubatan; dan teknologi maklumat telah dilantik kontraktor dengan kos berjumlah RM18.07 juta. Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya pula bertindak sebagai Pengarah Projek.

4.3 Tarikh siap baru projek ini selepas Perakuan Lanjutan Masa (EOT) selama 90 hari adalah pada 15 Mac 2011 dan JKR mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 1 Jun 2011. Namun projek diserahkan kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu kira-kira setahun selepas CPC dikeluarkan.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN DALAM PROSIDING PAC PARLIMEN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Pengarah (Prestasi) JAN Persekutuan kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Datuk Seri Chaw Chin Min, KSU KKM mewakili Kementerian Kesihatan, KKR pula diwakili Dato' Abdul Razak Jaafar, TKSU KKR dan Dato' Sri Ir Dr Roslan Md Taha, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Pengarah (Prestasi) JAN Persekutuan

Pengarah (Prestasi) JAN Persekutuan telah memaklumkan mengenai hasil kajian berhubung Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor.

Secara keseluruhannya, JAN berpendapat pelaksanaan projek menaik taraf adalah kurang memuaskan dan terdapat 10 isu yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- a) Perjanjian kontrak lewat ditandatangani iaitu 8 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada Sejagat Bakti;
- b) Projek lewat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan oleh Sejagat Bakti kepada KKM selama 12 bulan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan;

- c) Kelulusan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM801,700 dibuat selepas 9 bulan kontrak ditandatangani;
- d) Perkhidmatan pengangkutan iaitu Toyota RAV4 dan Honda CRV berjumlah RM700,700 diguna dan diluluskan menyalahi kehendak peraturan;
- e) Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM99,409 dibuat selepas tamat tempoh kontrak;
- f) CPC dikeluarkan JKR sedangkan sebahagian ruang utama iaitu Dewan Bedah dan Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) tidak boleh digunakan/berfungsi antara satu hingga empat tahun daripada tarikh penyerahan;
- g) Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM13.34 juta tidak dikenakan terhadap Sejagat Bakti kerana CPC dikeluarkan walaupun kerja belum siap;
- h) Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perjanjian kerana Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan setahun lebih awal;
- i) Kerja dibuat tidak mengikut spesifikasi kontrak/tidak sesuai/berkualiti rendah yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan kesihatan dan kemudahan pesakit/orang awam. Contohnya, empat (4) lif bernilai RM2.03 juta direka dan dipasang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan katil ICU tidak boleh dimasukkan sepenuhnya ke dalam lif.

5.2. Keterangan KSU Kementerian Kesihatan (KKM)

KSU KKM memaklumkan LKAN telah membangkitkan tiga belas (13) isu utama bagaimanapun, sepuluh (10) daripadanya telah dapat diselesaikan seperti yang dilaporkan dalam Paparan Ketua Audit Negara (*AG Dashboard*). Tiga (3) isu yang masih dalam tindakan adalah Sijil Perakuan Siap Kerja, Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan Hentian Bas/Teksi.

5.3 Penemuan PAC Parlimen

5.3.1 Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan setahun lebih awal

Perakuan Lanjutan Masa (EOT) selama 90 hari mulai 16 Disember 2010 hingga 15 Mac 2011. Terdapat kelewatan dalam penyerahan kepada KKM selama 12 bulan selepas tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC).

Maklumbalas KKM

KSU KKM memaklumkan tujuh (7) pegawai telah disyorkan untuk diambil tindakan tatatertib seperti mana surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 2 Disember 2015.

JPA memaklumkan kepada PAC Parlimen dalam mesyuarat bertarikh 9 Ogos 2017 bahawa tindakan tatatertib telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dan tiga (3) pegawai telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada Mei 2016.

Kes ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan selanjutnya kerana terdapat unsur keraguan dalam tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor dan perunding.

Satu bengkel Penyelarasan Penutupan Kecacatan bagi Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) telah diadakan pada 20 hingga 21 Disember 2015.

Langkah penambahbaikan yang telah dan akan dilaksanakan dalam pemberian EOT dan pengeluaran CPC ialah dengan meminda klausa pengeluaran CPC 2002 melalui *Design and Build Contract Revision 1/2010*.

Peraturan juga menetapkan semua kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja hospital hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan pengkhususan berkaitan dan mempunyai pengalaman serta kemahiran di dalam pembinaan hospital.

Kontraktor juga disyaratkan untuk mengguna pakai *Building Information Modelling* (BIM) dalam fasa reka bentuk dan pembinaan.

Di samping itu, JKR juga telah melaksanakan program *Lesson Learnt* sebanyak dua (2) kali setahun mulai tahun 2015.

Maklumbalas JKR

Ketua Pengarah JKR memaklumkan bagi projek yang menggunakan konsep reka dan bina, keputusan daripada segi reka bentuk dan penyiapan kerja disahkan oleh perunding yang dilantik kontraktor.

Kontraktor mempunyai Perunding Pengurusan Projek (PMC) mereka sendiri. JKR hanya bertindak sebagai juruaudit dari segi kelulusan reka bentuk dan pengawasan projek.

Mengenai pengeluaran CPC lebih awal, beliau memaklumkan bahawa Pengarah Projek iaitu Pengarah JKR Cawangan Kerja Kesihatan pada ketika itu, mendapati CPC boleh dikeluarkan berdasarkan pemerhatian beliau serta saranan pengesahan perunding.

Beliau juga memaklumkan apabila CPC telah dikeluarkan, kerja-kerja yang tidak siap sepenuhnya akan dianggap sebagai kecacatan dan perlu dibaiki dalam tempoh DLP iaitu selama dua (2) tahun.

5.3.2 Kelewatan Membaiki Kecacatan

PAC Parlimen mendapati terdapat kelewatan oleh kontraktor bagi membaiki kecacatan yang dilaporkan dalam tempoh DLP. Pada awal, DLP sepatutnya berakhir pada 1 Jun 2013 tapi kemudiannya dilanjutkan sehingga 1 Jun 2014 atas persetujuan kontraktor.

Namun begitu sehingga 4 April 2017 masih terdapat kerja-kerja pembaikan yang belum selesai dan CMGD masih tidak boleh dikeluarkan kepada kontraktor.

Maklumbalas JKR

Pihak JKR memaklumkan sehingga 4 April 2017 masih terdapat kecacatan yang masih belum dibaiki sepenuhnya terutamanya masalah pemeluwapan (*condensation*) alat pendingin hawa.

Mesyuarat Pelarasan CMGD pada 4 April 2017 memutuskan CMGD masih belum dapat dikeluarkan dan kontraktor diberi masa selama dua (2) minggu untuk menyelesaikan kecacatan.

5.3.3 Kerugian Tidak Langsung

PAC Parlimen mendapati empat (4) dewan bedah (OT) dan Wad ICU tidak boleh digunakan dan tidak berfungsi sejak dari tarikh penyerahan projek kepada KKM iaitu 30 Mei 2012 sehingga lawatan JAN.

Kegagalan untuk menggunakan kemudahan tersebut sepenuhnya merupakan satu kerugian tidak langsung kepada Kerajaan kerana perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya tidak dapat diberikan kepada pesakit.

Maklumbalas JKR

Pihak JKR memaklumkan kelewatan pihak kontraktor membaiki kecacatan tidak menyebabkan sebarang kerugian kerana selagi CMGD tidak dikeluarkan, kontraktor masih bertanggungjawab untuk membaiki kecacatan.

5.3.4 Peranan JKR Dalam Pemantauan Projek

PAC Parlimen mendapati projek ini tidak dipantau dengan sewajarnya oleh pihak JKR khususnya Pengarah JKR Cawangan Kerja Kesihatan yang berperanan sebagai Pengarah Projek (PD) menyebabkan projek ini mengalami kelewatan semasa peringkat pembinaan dan peringkat pembaikan kecacatan.

Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka dan Bina yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah JKR bertarikh 5 Mac 2007 memberi penjelasan mengenai peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek secara Reka dan Bina.

Fungsi utama PD Pasukan Pengurusan Pembinaan JKR (PPP) yang dinyatakan dalam Perenggan 3.1 Garis Panduan berkenaan adalah:

- (i) penyelarasan
- (ii) pemantauan
- (iii) pengauditan
- (iv) kawalan
- (v) pentadbiran kontrak

Di bawah fungsi pemantauan, PPP hendaklah memantau dan mengawal projek supaya kontraktor mematuhi syarat-syarat kontrak, *Need Statement*, spesifikasi dan lukisan pembinaan/lukisan kerja. Di samping itu kerja-kerja pembinaan hendaklah mengikut piawaian kualiti, garis panduan dan amalan kejuruteraan terbaik.

Maklumbalas JKR

Pihak JKR memaklumkan melalui Laporan Prosiding (*Hansard*) Bil 10/2017 di muka surat 16 dan 24 bahawa JKR hanya berperanan sebagai juruaudit sahaja dalam melaksanakan projek Reka dan Bina.

6. LAWATAN KERJA PAC PARLIMEN

Lanjutan daripada prosiding yang telah diadakan pada 19 April 2017 Dato' Seri Hasan Arifin, Pengerusi PAC Parlimen telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Sultanah Nora Ismail pada 2 Oktober 2017. Turut hadir bersama lawatan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Datuk Seri Chaw Chin Min, KSU KKM;
- ii. Datuk Mohd Shafiq Abdullah, TKSU Kewangan KKM;
- iii. Dato' Abdul Razak Jaafar, TKSU (Dasar dan Pembangunan) KKR;
- iv. Kamaluddin Abdul Rashid, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan);

- v. Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC Parlimen; dan
- vi. Ex Officio PAC Parlimen yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian serta Jabatan Kerajaan iaitu EPU, MoF, JPA dan Jabatan Akauntan Negara.

Selain itu, lawatan kerja ini juga disertai oleh Ahli PAC Johor iaitu:

- (i) YB Lau Chin Hoon (ADN Kawasan Pemanis)
- (ii) YB Abd Razak Minhat (ADN Kawasan Serom)

Datuk Juhari Haron, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) dan En. Said Supar, Pengarah JAN Johor turut mengiringi lawatan kerja PAC Parlimen.

Lawatan kerja ini tertumpu kepada kemajuan fizikal beberapa lokasi di Hospital Sultanah Nora Ismail seperti Lif Lobi, Aras 1, Blok B; Aras 6, Blok B; Aras 3 High Dependency Ward; Aras 3, Dewan Bedah; Aras 1, Jabatan Pengimejan dan Diagnostik (MRI) serta Aras Bawah (Tempat Letak Kereta).

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 10/2017 pada Rabu 19 April 2017**

7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen berpendapat walaupun projek ini dilaksanakan secara rundingan terus serta reka dan bina JKR sepatutnya daripada awal harus meneliti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam beberapa komponen reka bentuk projek yang didapati tidak sesuai dan tidak mencapai standard hospital.

8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang dan memastikan masalah yang sama tidak berulang, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 8.1 Pemilihan kontraktor dan perunding bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan khususnya fasiliti kesihatan perlu dibuat berdasarkan keupayaan kewangan dan teknikal terutamanya bagi lantikan secara rundingan terus.
- 8.2 Kaedah pelantikan dan pembayaran perunding perlu dikaji semula oleh MoF dimana Kerajaan membayar terus kepada perunding walaupun kaedah pembinaan itu secara reka dan bina supaya wujud proses *check and balance*.
- 8.3 PAC Parlimen meminta supaya KKR membuat laporan kepada Lembaga Profesional yang berkaitan terhadap kecuaiian yang dilakukan oleh kontraktor dan perunding. Lembaga profesional juga perlu membuat penentuan profesionalisme perunding sentiasa dipantau dan dipatuhi;

- 8.4 Perunding yang dilantik bagi projek Reka dan Bina perlu berdaftar dengan MoF. Kontraktor yang dilantik perlu berdaftar dengan CIDB di bawah pengkhususan berikut iaitu B04 dan B29;
- 8.5 KKR perlu menyenaraihitamkan perunding dan kontraktor Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail berikutan kecuaiian serta kelewatan projek.
- 8.6 MoF perlu mengkaji semula Pekeliling yang memberi kemudahan kenderaan projek bagi memastikan ia benar-benar menepati keperluan projek yang berkenaan dan kenderaan terbabit menjadi hak milik Kerajaan bukan kontraktor;
- 8.7 JKR perlu menjelaskan peranan mereka sebagai pegawai penguasa untuk projek reka dan bina serta runding terus berikutan Jabatan ini sepatutnya melindungi kepentingan Kerajaan di mana CPC adalah tanggungjawab JKR untuk projek ini.
- 8.8 JKR hendaklah mematuhi semua Garis Panduan mereka sendiri dan juga semua pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dalam melaksanakan projek.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ **Bilangan 10/2017 pada Rabu 19 April 2017**

LAMPIRAN A

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 10/2017 PADA RABU 19 APRIL 2017
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
19 April 2017 (Rabu) 10.30 pagi	Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kementerian Kesihatan

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 10/2017 pada Rabu 19 April 2017**

Bil. 10

**Rabu
19 April 2017**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail,
Batu Pahat, Johor**

- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Kerja Raya Malaysia

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 19 APRIL 2017**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] - *Pengerusi*
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,
Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,
Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Audit Prestasi I]
Datin Norliza binti Ghazali [Timbalan Pengarah Audit (Cawangan Audit Kesihatan) Bahagian I]
Encik Mohd Iskandar bin Amran [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)
Cawangan Audit Pendidikan Tinggi/Komunikasi dan Multimedia Bahagian I]
Puan Nurafidah binti Ab. Rani [Penolong Juruaudit Kanan (Sektor Audit Kewangan) Cawangan Audit
Pendidikan/Multimedia dan Komunikasi Bahagian I]
Cik Nor Amrina binti Zerry @ Azhari [Juruaudit (Sektor Audit Prestasi) Bahagian II]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (K)A2]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah Kanan
(Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Puan Adena binti Ahmad [Timbalan Pengarah (Kesihatan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Kesihatan Malaysia**

YBhg. Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min [Ketua Setiausaha]

Tuan Haji Md. Jalal bin Bongkik [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan]

Dr. Siti Aula binti Turmidi [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perancangan)]

Tuan Haji Tauran bin Zaidi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan)]

Puan Rahmah binti Ramli [Setiausaha Bahagian Kanan (Bahagian Pembangunan)]

Encik Dhanesh Kumar A/L Danesekaran [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan)]

Puan Murni Rahayu binti Ahmad Anuar [Timbalan Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Encik Hisyam Yong bin Abdullah [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Kewangan)]

Encik Khairul Fahmi bin Yusof [Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha]

Encik Muhammad Shahrizal bin Abd Gani [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Pembangunan)]

Puan Najdah binti Nasir [Penolong Setiausaha Kewangan]

Ir. Mohd Hisam bin Sa'at [Penolong Pengarah Kanan]

Encik Mohamad Haisa Hafis bin Ariffin [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan)]

Encik Ahmad Aqiluddin Fahmi bin Azharuddin [Penolong Setiausaha]

Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Azimah binti A. Aziz [Pengarah Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat]

Puan Yusnizah binti Mohamad Salleh [Pegawai Tadbir dan Diplomatik Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat]

Puan Khairul Fazilah binti Ismail [Jurutera Operasi Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat]

Puan Razidah binti Kamaludin [PPT (P) Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat]

Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar [Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Dasar dan Pembangunan)]

Puan Nor Azian binti Nordin [Ketua Unit Audit Dalam]

Puan Azizah binti Yusof [Timbalan Pengarah Unit Integriti]

Encik Mohd Heikarl bin Mohamad Nor [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan)]

Jabatan Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha [Ketua Pengarah Kerja Raya]

YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd. Jamal bin Sulaiman [Pengarah Kanan]

Encik Hisam bin Ismail [Jurutera Awam Penguasa Kanan]

Ir. Burhanuddin bin Abdul Rahman [Jurutera Penguasa]

Ir. Dr. Hannerita binti Mohamad Zainal [Jurutera Elektrik Penguasa Kanan]

Encik Mohd Fadzli bin Abdul Sukor [Jurutera]

Sr. Amran bin Mohd Majid [Juruukur Bahan]

Puan Azmah binti Abdullah [Juruukur Bahan]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA****Rabu, 19 April 2017****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.06 pagi***[Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Semuanya, selamat pagi. Baru pergi ke Institut Integriti kerana kita perlu integriti di dalam PAC juga *[Ketawa]* Ya, dan Setiausaha, semua Ahli dan semua yang hadir pagi ini. Kita mungkin dengan lebih cepat untuk menyelesaikan masalah di depan kita ini dan Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin, dia ada urusan yang lain dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua.

Hari ini kita ada Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan; Dato' Abdul Razak bin Jaafar, Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Dasar & Pembangunan) Kementerian Kerja Raya; dan Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya. Dengan inilah kita memulakan prosiding dan dengan sedikit latar belakang daripada Laporan Ketua Audit Negara iaitu mengenai Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat. Di sinilah kita perlukan penjelasan bukan sahaja daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bahkan juga daripada Kementerian Kerja Raya mengapa ada wujudnya masalah-masalah.

Oleh sebab masa yang singkat sahaja habiskan, dia aturkan satu nota taklimat hari ini. Di sinilah kita bermula daripada Jabatan Audit Negara.

Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Audit Prestasi I, Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Naib Pengerusi PAC; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC; Yang Berbahagia Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat; Dato'-Dato'; Datuk-Datuk; tuan-tuan; dan puan-puan yang saya hormati sekalian. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam sejahtera, negaraku tanah air tumpah darahku.

Hari ini kita akan membentangkan satu lagi tajuk dalam Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2014, Siri 3, iaitu Projek Menaik Taraf Hospital Baru Batu Pahat, Johor... *[Pembentangan merujuk kepada slide]*

Next slide, kita tengok latar belakang sedikit. Projek ini telah ditawarkan kepada Sejagat Bakti Sdn. Bhd. pada 25 Februari 2008 bagi Projek Pembinaan Hospital Batu Pahat, Johor- nama naik taraf, tapi projek baru, bernilai RM200.7 juta secara rundingan terus.

Dalam jumlah tersebut terdiri daripada kerja tanah RM3 juta dan kerja naik taraf RM197.7 juta. Dalam skop Audit kita hanya buat kerja naik taraf RM197.7 juta. Perjanjian telah ditandatangani pada 16

Oktober 2008 dan dilaksanakan secara reka dan bina bagi tempoh selama 33 bulan iaitu 16 Mac 2008 hingga 15 Disember 2010.

■1110

SO adalah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR sebagai pengarah projek. Projek telah diserahkan kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu selepas 12 bulan CPC dikeluarkan.

Sedikit ringkasan projek. *Next slide*, ringkasan projek. Tadi saya ada *brief* sedikit ringkasan projek. Itu dia punya nama kontraktor tadi, *core* projek, tempoh kontrak pun 33 bulan, suratnya SST...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sebelum itu Datuk, hendak tanya.

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kata projek ini diserahkan kepada kementerian 12 bulan selepas CCC... [Disampuk] CPC.

Datuk Juhari bin Haron: CPC. Yes.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Why are you taking so long at that time to deliver the project to the principal?*

Datuk Juhari bin Haron: Ulas dalam terperinci dia punya itulah, ada dia bagi ulasan dia. Okey, yang ini CPC 1 Jun 2011, tarikh serah 30 Mei 2015, tempoh DLP (*defects liability period*) itu 1 Jun 2011 itu dari tarikh CPC. Ini kena ingat ya, mungkin kena kita *bear in mind* bawa sekali CPC, DLP, tarikh serah, kemudian dia ada tambahan dia punya DLP *period* itu dia *extend* sebab dia ada EOT.

So 31 Mei 2013, tambahan daripada 31 Mei hingga 2014 dia punya DLP *period* disebabkan tambahan EOT tadi. Jumlah EOT satu, 16 Disember 2010 hingga 15 Mac 2011, LAD yang dikenakan sepatutnya iaitu RM2.85 juta...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 90 harilah ini?

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: LAD 90 hari?

Datuk Juhari bin Haron: Yes.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 90 hari berapa?

Datuk Juhari bin Haron: Ada dalam itu nanti kita ini- ada. Sekejap lagi *detail* kita, *just* hendak bagi jumlah sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Okey.

Datuk Juhari bin Haron: Kemudian RM15.34 juta tidak dikenakan sebab kontrak tamat pada tarikh selepas serah itu, CPC. Kontrak tamat baru bila tarikh dia?

Datin Norliza binti Ghazali [Timbalan Pengarah Audit (Cawangan Audit Kesihatan) Bahagian I, Jabatan Audit Negara]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Juhari bin Haron: Tarikh tamat kontrak.

Encik Mohd Iskandar bin Amran [Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi), Jabatan Audit Negara]: Dia serah itu.

Datuk Juhari bin Haron: Tarikh serah itu tarikh tamat?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yes.

Datuk Juhari bin Haron: Selepas tambahan 31 Mei 2014?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Ya, 31 Mei 2014 itu *unrecord*, tidak ada perjanjian.

Datuk Juhari bin Haron: Cuma 31 Mei 2013 kita ambil sebagai rekod ya?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Ya.

Datuk Juhari bin Haron: Okey. *So next*, kita terus kepada isu pertama. Seperti biasa bila kita buat projek pembinaan, antaranya ialah perjanjian kontrak lewat ditandatangani iaitu lapan bulan selepas SST dikeluarkan iaitu lewat 113 hari. Peraturan mengatakan bahawa empat bulan selepas SST dikeluarkan. Itu isu pertama. *Just saya brief* tentang ringkasan isu ya Yang Berhormat-Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada tidak surat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Juhari bin Haron: Yang Berhormat, dapat? Minta bantuan. Itu memang terlewatlah.

Kedua, *next*. Isu yang kedua, projek lambat siap selama 90 hari dan lewat diserahkan kepada KKM selama 12 bulan setelah CPC dikeluarkan. Ini tadi Yang Berhormat minta penjelasan kan. Kalau kita tengok tanpa kontrak, 16 Mac 2008-15 Disember 2010, diberi EOT daripada 16 Disember hingga 15 Mac. Ini EOT yang dibenarkan bagi untuk lambat siap kerja. Di sini dikenakan LAD sejumlah RM2.85 juta. *So* dari tempoh EOT itu sehingga CPC, tidak ada EOT kedua. 1 Jun 2011 betul ya?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Ya.

Datuk Juhari bin Haron: 1 Jun, CPC dikeluarkan 1 Jun 2011, 90 hari ini tidak ada EOT dikeluarkan, sepatutnya dikenakan LAD RM2.85 juta. Sebaliknya serah 30 Mei 2012, projek itu lewat 12 bulan tanpa apa-apa denda.

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat), Kementerian Kewangan Malaysia]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Encik Rosli bin Yaakub: Yang Berhormat, boleh saya mohon audit untuk menjelaskan kepada ahli-ahli mesyuarat, apakah asas LAD RM2.85 juta dengan LAD selepas CPC dikeluarkan 1 Jun, serahan 31 Mei. Di situ ada jumlah amaun LAD bukan?

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Encik Rosli bin Yaakub: Sebanyak RM13 juta bukan?

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Encik Rosli bin Yaakub: RM13 juta campur RM2.8 juta bukan?

Datuk Juhari bin Haron: Kita pergi yang ini dahulu. Kita pergi yang antara 15 Mac itu dengan 1 Jun. Nanti kita campur yang itu.

Encik Rosli bin Yaakub: Mungkin...

Datuk Juhari bin Haron: Yang antara 1 Jun 2011 hingga 30 Mei, kita ada *next slide*.

Encik Rosli bin Yaakub: Okey. Mungkin elok diberitahu kepada ahli mesyuarat kenapa asas dikecualikan LAD itu.

Datuk Juhari bin Haron: Okey ini Encik Iskandar. Okey, Encik Iskandar.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Untuk yang pertama ini, antara 15 Mac 2011 hingga 1 Jun 2011, ada tiga bulan kelewatan. Memang dikenakan LAD RM2.85 juta pada asasnya. Nanti di akhir sekali slaid kita ada. Akan tetapi di hujung nanti kita akan nampak kontraktor memohon kepada MOF supaya dikecualikan dan MoF bersetuju dikecualikan atas ulasan daripada JKR bahawa dia pun bersetuju. Sedangkan tidak sepatutnya dikecualikan LAD tersebut. Permohonan ini *because* salah satunya adalah disebabkan perlanjutan tempoh DLP yang tidak ada kontrak pun. Nanti akan diulas lanjutlah ya dalam kita punya slaid.

Datuk Juhari bin Haron: Sudah itu kemudian, tetapi di sini kita hendak tekankan 15 Mac 2011 hingga 1 Jun 2011 tidak mohon EOT, tidak kena LAD lewat 90 hari. Itu yang kita kira itu RM2.85 juta sepatutnya kena. Jadi dalam kes ini, kita *update* RM2.85 juta mereka *wave*. Daripada surat daripada mana?... [Disampuk] MoF atas alasan...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Panjangkan tempoh...

Datuk Juhari bin Haron: Akan tetapi kontrak- tidak. Dia kira *wave* itu atas dasar kalau ada EOT dimohon oleh kontraktor, barulah surat daripada MoF keluar kita bersetuju. Tanpa ada apa-apa permohonan daripada kontraktor...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Dia memohon *ex gratia*...

Datuk Juhari bin Haron: *Ex gratia*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: EOT. Itu memang agak peliklah. Saya pun *first time* tengok ada *ex gratia* untuk EOT... [Disampuk] Tidak ada.

Datin Norliza binti Ghazali: Mungkin pihak MoF boleh...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Dan dipersetujui oleh JKR.

Datin Norliza binti Ghazali: JKR dan juga MoF...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Akhirnya MoF luluskan.

Datuk Juhari bin Haron: So yang itu dalam surat dia kata *ex gratia* ya?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *Ex gratia* EOT.

Datuk Juhari bin Haron: *Ex gratia* EOT, tetapi tidak pernah berlakulah. Nanti mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat minta daripada JKR menjawab hal inilah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Juhari bin Haron: RM2.85 juta itu.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Kita panjangkan tempoh DLP. *It is because* bila serah lewat, dia kata okeylah kontraktor *allow* untuk panjangkan tempoh sedangkan tiada perjanjian yang mengikat bahawa- sepatutnya hendak panjangkan tempoh DLP, dia ada perjanjian...

Datuk Juhari bin Haron: Kalau kita tengok dalam laporan kita, 12.5.3.3 itu, ganti rugi tertentu dan ditetapkan LAD, pada 8 Mei itu, kiranya kontrak sudah habis sudah ini. Pada 8 Mei 2014, Sejagat Bakti telah memohon EOT secara *ex gratia*. Itu selepas kontrak sudah habis dan pelepasan LAD RM2.85

juta yang mana pada 2015 syorkan kepada MOF, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, 15 Mei syor kepada MOF untuk pengecualian LAD tersebut. Manakala MoF pada 11 Februari telah menolak permohonan pengecualian Sejagat Bakti tukarkan dengan *ex gratia*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yang Berhormat, dalam muka surat 10 ada penjelasan Yang Berhormat. Kalau tengok muka surat 10 dalam slaid ini...

Datuk Juhari bin Haron: Muka surat 10 ada.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Ada penjelasan, di atas. Muka surat 10, *switch slide*.

Datuk Juhari bin Haron: Buka slaid. Pergi ke slaid *now*. Itu hendak tahu sedikitlah. Akan tetapi di sini, bila kita baca laporan itu yang mana pengecualian itu tidak diluluskan MOF tetapi ditukar kepada *ex gratia*. Itu sahaja.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *First* MoF tolak, kemudian bawa semula ke JKR, JKR sokong kontraktor dan MOF yang keduanya bersetuju.

Datuk Juhari bin Haron: Dia tukar sebab dia tidak layak dapat LAD.

Puan Adena binti Ahmad [Timbalan Pengarah (Kesihatan), Unit Perancang Ekonomi]: Tuan Pengerusi, sebenarnya *ex gratia* ini hanya MoF sahaja ada kelulusan untuk meluluskan *ex gratia* ini. Budi bicara itu sahaja, Bahagian Perolehan.

Datuk Juhari bin Haron: Akan tetapi kalau hendak bagi pun kepada seseorang itu, asas. Sekarang ini dia bagi asas apa?

Puan Adena binti Ahmad: Nanti kita kena tanyalah itu. Sebab JKR mesti mohon pada dia dahulu.

Datuk Juhari bin Haron: Akan tetapi kalau bagi asas kepada kegagalan diserahkan lewat selepas kontrak wujud kepada orang tertentu kalau dia boleh bagi, pada orang lain pun boleh buat juga. Kalau dia buat *precedent* macam itu, susah.

■1120

Pergi *next slide*. Kita pergi seterusnya ke isu ketiga. Ini kes satu lagi yang jadi isu di mana kelulusan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM801,700 dibuat selepas sembilan bulan kontrak ditandatangani. Sepatutnya dia kena buat sebelum kontrak ditandatangani. Betul ya?... [Bertanya kepada seorang pegawai] So, kalau kita tengok 25.02.08 SST ditandatangani, kontrak *sign* pada 16 Oktober 2008. Makna dia mohon 25 November 2008 itu, kemudian 23 Julai 2009, lulus. So, 9 bulan. Permohonan itu dibuat selepas kontrak ditandatangani. Diluluskan oleh Jawatankuasa Perolehan melalui kontrak peringkat TKPKR II.

Ulasan Audit, permohonan sepatutnya dibuat sebelum SST dikeluarkan. Itu isu dia. Kalau tengok *next slide*, antara pengangkutan yang diserahkan iaitu nombor 4 itu, asas yang mereka mohon itu, satu, mereka telah menyalahi kontrak pekeliling.

Kedua, perkhidmatan pengangkutan diguna dan diluluskan adalah berdasarkan kepada permohonan keluasan projek 40 ekar tetapi dalam Pekeliling yang Jabatan Audit melihat, keluasan projek adalah 10.5 ekar. Jadi kalau kita tengok bukti-bukti kriteria itu, gambar yang tunjuk slaid tadi, yang tadi

awal... [Merujuk pada slaid pembentangan] Ada isi. Itu kita tengok nampak keluasan projek diletak 44 ekar, ya layak dapat. Itu tidak ya. Tiada kriteria dalam peraturan.

Kemudian Audit melihat SPP, Bil. 13, Tahun 1999- 4 kriteria ini kita tengok status dan keadaan, semuanya tidak mematuhi, semua tidak mematuhi untuk dia layak tiga kenderaan bernilai RM700,700.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Itu untuk tujuan apa?

Datuk Juhari bin Haron: Kita tengok kenderaan *next slide*. Ada tiga kenderaan di sini yang mana harga yang kita tengok *Toyota Rav4* (RM300,700), *Honda CRV* (RM200,000), *Honda CRV* (RM200,000). Jumlahnya RM700,700. Itu dia punya kenderaan dan kenderaan ini adalah milik syarikat...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Berakhir kontrak, kita kena serah balik.

Datuk Juhari bin Haron: Untuk SO lah. SO pakai untuk memantau kerja-kerja projek di *site* lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sampai tiga?

Datuk Juhari bin Haron: Sampai tiga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...Sampai tiga biji?

Datuk Juhari bin Haron: Tiga biji.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *Because of* Pekeliling dia *allow* projek lebih RM20 juta, tiga biji. Dia ambil maksimum walaupun dia tak layak sebenarnya. Kalau ikut prosedur, ikut peraturan yang sedia ada, dia tak layak *because* projek ini kurang daripada 40 ekar. Sebanyak 10 ekar sahaja tapi dia ambil kira keluasan hospital keseluruhan, 44 ekar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...Hendak berjalan penat.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Datuk, kalau tengok *project condition*, dia buat naik taraf ini dalam kawasan hospital, hospital sedia ada. So, dia buat di sebelah, bukan di kawasan baru dalam hutan kita nak...

Datuk Juhari bin Haron: Akan tapi boleh, boleh kita bagi tapi tengok kriteria SPP itu sendiri tak membenarkan. Kalau SPP tak membenarkan, kita tak boleh nak kata ya atau tidak. Kalau nak beri juga, *Treasury* kena buat kelulusan itulah, *special*. Antara yang empat perkara itu, kalau tiga dia lulus, satu tak layak, boleh pertimbangkan. Kalau empat-empat tak layak, macam mana kita nak pertimbangkan. Kita tak boleh nak membenarkan melainkan *Treasury*...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...Masuk dalam *project cost*?

Datuk Juhari bin Haron: Yes.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Sebab kita bayar...

Datuk Juhari bin Haron: Dia macam ini, kontraktor beli, pakai, lepas habis projek dia ambil balik. Kalau Yang Berhormat Limbang ini tahulah. Kalau dulu-dulu kita buat sendiri. Kenderaan-kenderaan JKR di- kita punya buat tapi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Pasal kerajaan ini...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Saya cadangkan juga dan kita dah bincang dengan *Treasury* bahawa kena semak balik keperluan. *Just* kalau tengok keperluan, katalah projek di Putrajaya ataupun projek di KL yang akses semua lengkap, tak ada masalah untuk akses. Adakah kita nak *allow*-kan juga boleh beri kemudahan ini sedangkan...

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah, itu dia...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita bincang sikit, kita bincang sikitlah.

Datuk Juhari bin Haron: Ya, okey, okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kalau kenderaan ini *under project cost, whatever project you know, actually by rightfully must belongs back to the government, go back to the government because project cost.*

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *Because* dalam kita punya peraturan pekeliling, *Treasury* dah buat pindaan dulu kerana kenderaan ini dah jadi hak milik kontraktor. Pasal dalam Laporan Audit kita mencadangkan kenderaan ini jadi hak milik kerajaan tapi dia *argue* dia kata *Treasury*, peraturan kata suruh pulang balik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Buat *clearing*. *Clearing* ini *different cost* tapi bangunan *different cost*. *But the two costs actually under one project cost*. Apabila dah siap nanti *clearing* bangunan semua serah pada saya. *Project cost what. Why you have to return back the car to the contractor?*

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Betul Yang Berhormat. Oleh sebab itu kita mencadangkan dalam laporan kita supaya...

Datuk Juhari bin Haron: Sebelum itu, Encik Rosli boleh tak beri pandangan? Ini bincang sahaja.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Peraturan yang *Treasury* tetapkan, suruh pulang. *That is why* dia sebut dalam kontrak pun pulang balik kepada kontraktor.

Datuk Juhari bin Haron: Itu dia...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yang Berhormat, semua... *[Disampuk]* Kalau ikut dalam peraturan, *even* dalam kontrak yang ada, kenderaan, minyak, *maintenance, tol*, semua sekali *government* bayar. Dalam kontrak, *yes...* *[Disampuk]* *Yes and at the end...*

Datuk Juhari bin Haron: Kereta dia...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Pulang balik kepada kontraktor.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Dia bukan... *[Disampuk]* *Yes*, betul. Apa yang Yang Berhormat cerita itu, *condition* yang projek dulu betul. Saya setuju memang kata ini *but now*, semua sekali projek JKR sekarang ini, bukan sekadar projek JKR *even* projek-projek di kementerian-kementerian lain pun...

[Perbincangan secara tanpa rekod] Pembesar suara dimatikan

Datuk Juhari bin Haron: *Okay, next.* Itu okeylah, itu perbincangan ya. Nombor 5, isu kelima adalah Arahan Perubahan Kerja dibuat selepas tamat tempoh kontrak. Ini di mana kita tengok tempoh kontrak 15.12.10 sepatutnya kemudian dia EOT sepatutnya *officially* 15 Mac 2011. Arahan sebelum itu, *Architect Instruction* 21 Februari 2011 iaitu menggantikan kemasan *gypsum board ceiling* kepada *aluminum strip ceiling* di mana dibuat selepas EOT, selepas tamat tempoh kontrak satu CPC diserahkan, 1 Jun 2011, APK pula diluluskan 23 Januari 2014.

■1130

Di mana di sini kita dapati kontrak sudah tidak wujud. Maka, mana-mana kontrak tidak wujud tidak ada hubungan lagi antara kita dengan- tadi dalam hal ini kita letak sebagai *improper payment* RM99,000 yang penggantian patut buat dalam tempoh kontrak bukan selepas tempoh kontrak. Sebab bayaran itu *improper payment* sebab bayaran kepada orang yang tidak layak dapat.

Arahan Perubahan Kerja. Perubahan kerja itu menggantikan kemasan, kemasan *gypsum board ceiling* kepada *aluminum strip ceiling* di buat dalam tempoh EOT itu. Akan tetapi bila sudah CPC tamat dan diserahkan tetapi APK telah dikeluarkan kepada suatu suruh buat benda yang tidak buat itu. Jadi, pada kami benda yang buat kepada kontrak yang tidak wujud, tidak ada hubungan dan *payment* dibuat pada orang yang tidak hubungan bertentangan Arahan Perbendaharaan. So, itu *improper payment* lah bagi kita, Audit.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Untuk makluman Yang Berhormat juga, APK ini menjadi syarat kepada kontraktor untuk dia mohon jadi *ex gratia*.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan

Datuk Juhari bin Haron: Okey *next*, nombor enam. CPC dikeluarkan sedangkan empat EOT...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: VO ini termasuk dalam *agreement*-kan? *[Disampuk]* Ada? Apa dia sebut dalam *agreement* sebenarnya yang VO ini.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: VO kalau ada keperluan sebarang perubahan dalam kontrak tetapi dalam tempoh kontrak. Apa yang berlaku, diluluskan VO ini dalam tempoh kontrak. Ini selepas dua tahun setengah kontrak tamat baru lulus VO.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Okey kerja VO itu?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Kerja VO itu di buat...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Di buat sebelum tamat?

Datuk Juhari bin Haron: Ada, ada itu 23.14 - selepas. Selepas kontrak tamat dah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Baru dibuat.

Datuk Juhari bin Haron: Selepas kontrak tamat *means* tidak wujud. Serah dah tidak wujud. Baru buat balik.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Terus teranglah ya.

Datuk Juhari bin Haron: Terus terang.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan

Datuk Juhari bin Haron: Selepas. *Physically*. Bayaran pun tidak patut buat dah tetapi bayaran itu untuk- kalau sebelum itu bayaran dalam tempoh. Akan tetapi, bila bayaran selepas, makna kata itu bukti bahawasanya kerja-kerja dibuat pengesahan pada 23 Januari.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Sebab dia kalau ikut ...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Projek ini diserahkan pada bulan Jun tahun 2011. Bulan Jun ya. 2012 ke 2011? CPC tahun 2011? Serah projek bila?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *One year later*. 31 Mei 2012.

Datuk Juhari bin Haron: 31 Mei 2012.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 2012 ya. Tempoh liabiliti *period* berapa lama?

Datuk Juhari bin Haron: Tadi, DLP hingga 31 Mei 2013.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *After which from this time 31 May 2013. Contractor has got nothing to do with this project.* Betul?

Datuk Juhari bin Haron: Tidak ada.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Berapa nilai dia tadi? APK itu.

Datuk Juhari bin Haron: RM99,409.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yang Berhormat dia bukan masalah nilai APK tadi. Tadi saya sebutkan tadi dia menyebabkan kontraktor tetapkan ini sebagai *condition* dia untuk mohon ex gratia LAD, RM2.8 juta.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Dia serahkan CPC antara EOT dengan CPC ada tiga bulan lagi. So, dia dikenakan LAD RM2.85 juta. Di guna ini asas. Tidak keluar tidak pada asas. So, keluar ...

Datuk Juhari bin Haron: Okey *next*, nombor enam... *[Merujuk pada paparan slaid]* CPC dikeluarkan sedangkan empat OT- ini bila kita tengok tempoh CPC dikeluarkan pada 1 Jun 2011 iaitu- yang ini dalam tempoh 1 Jun 2011 hingga 30 Mei 2012. Kemudian, CPC dikeluarkan empat OT dan Wad ICU tidak boleh digunakan ...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *You lupa E ke itu?*

Datuk Juhari bin Haron: *Operation theatre, sorry.* Empat *operation theatre* dan Wad ICU tidak boleh diguna dan tidak berfungsi dua hingga lima tahun. Kita ambil dari tempoh 30 Mei 2012 serah sehingga 30 Mei 2013. Sehingga lawatan Audit pada tarikh 20 Jun 2015 itu kita dapati empat OT dan Wad ICU tidak boleh digunakan atau tidak berfungsi. Kita ambil tarikh itu dua hingga lima tahun tarikh audit daripada 30 Mei 2012 hingga Jun 2015. Saya dapati tidak beroperasi.

Satu lagi bila kita dapati di sini LAD berjumlah RM13.34 juta tidak dikenakan bagi 365 hari yang tidak ada EOT. 1 Jun 2011 CPC diserahkan hingga 30 Mei- ada tempoh *lapse* di situ yang mana kita kira, berdasarkan Audit, RM13.34 juta tidak dikeluarkan EOT dan kita tengok tidak dikenakan LAD RM13.34 juta. So, yang itulah isu dia.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Kalau saya boleh jelaskan sedikit. Kalau maksud CPC, *Certified Practical Completion. That means* kerja siap semua sekalilah. Akan tetapi, dia tahu bahawa dalam keadaan- kalau tengok tadi walaupun CPC pada tarikh 1 Jun 2011 CPC hanya di-*signed* pada 19 Januari 2011. Dia *backdated*-kan enam bulan. Okey.

Kemudian sebelum dia keluarkan CPC ada satu mesyuarat yang antara hospital dengan juga JKR. Dalam mesyuarat ini JKR sebut ada *certain part* dia tidak siap lagi yang dia tidak boleh serah. Dia hendak keluarkan CPO, okey, *function*. Dia bercakap dengan doktor. Doktor dia tidak faham *function* semua sekali *and then* doktor kata tidak setuju. Okey, kalau tidak setuju dia keluarkan CPC *complete*-lah. Sedangkan dalam masa CPC keluar dia tahu OT tidak boleh *function*. OT hanya boleh *function* selepas dua tahun daripada tarikh CPC.

Dalam masa yang sama, ICU *ward* tidak boleh *function* sehingga pada tarikh Audit di buat sudah empat tahun. Sebab gegaran dalam bilik. Dalam bilik ICU ada gegaran, *conducting air conditioning and then* bising. Lebih taraf dBA yang dibenarkan. Kalau masuk dalam ICU bilik bising.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: Yang itu yang slaid nombor tujuh itu yang mana yang telah dijelaskan oleh Encik Iskandar itulah. Okey. *Next*, nombor lapan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Sebelum itu saya hendak tanya. Fasal projek ini *delivered* Mei 2012. Kalau sudah *delivered* maknanya *the whole contract sum also been delivered to the contractor*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yes.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita hendak tanya *how much is the retention fund?*

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *Retention fund* ada *five percent*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Five percent?*

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Daripada total 197 tadi kan? Ya.

Datuk Juhari bin Haron: 200 juta kira.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 200 juta, 10 bilion.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan]

■1140

Datuk Juhari bin Haron: Dalam tempoh itu EOT tidak keluar tetapi kerja masih berjalan. Bila dia serah kira kontrak tamatlah. Bila kerja masih berjalan dia patut keluar EOT, EOT tidak keluar, LAD patut dikenakan. Pada masa tersebut, kalau dia tidak dapat buat, patut rampas sahaja pada masa itu.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Sepatutnya dia tidak boleh keluarkan CPC pada masa itu.

Datuk Juhari bin Haron: Ya, tidak boleh keluar.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Kenapa dia tidak keluarkan CPC sedangkan dia tahu projek tidak siap *because* kalau sebabnya kalau dia keluarkan CPC dia tidak boleh *impose* LAD. So, kita buat *calculation* antara tempoh setahun itu dia sepatutnya *impose* LAD RM13.34 juta tetapi dia tidak *impose* *and then* *backdated*-kan tarikh CPC supaya tidak ada LAD.

Datuk Juhari bin Haron: CPC itu dia *backdated*. Tarikh surat- cuba tengok *slide* itu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Itu yang dia bagi *ex gratia* tadi itu.

Datuk Juhari bin Haron: Yes.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: *Ex gratia* itu lain...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Lain lagi.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: RM2 juta.

Datuk Juhari bin Haron: RM2 juta. Kalau tengok daripada *slide* itu CPC *sign* pada 19 Januari 2012. *You* tengok ini Yang Berhormat.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Datuk Juhari bin Haron: Tidak. Surat dia *sign* itu 2012. Dalam surat itu bertarikh 19 Januari 2012. Dia tarikh itu 1 Jun.

Encik Rosli bin Yaakub: Tetapi dia tidak pandai menipu.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Selepas Audit *report* lepas itu dia buat pembaikan. Dalam tempoh dia tidak hendak buat apa-apa pembaikan, kita *highlight*-kan baru dia datang hendak buat pembaikan, betulkan. 1 November 2016 baru ICU boleh *function*. Selepas lima tahun daripada tarikh CPC 2011...

Datuk Juhari bin Haron: ...2016 itu- nanti kita *update*, okey.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yes, *design*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Design fault*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Namun semua tidak hendak mengaku sehingga kita pergi balik tanya balik sebab panggil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dia pun *check* dBA tinggi sangatkan, tidak sesuai untuk *patient*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Yang berpegang tangan doktor macam mana hendak *operate*.

Datuk Juhari bin Haron: Okey, untuk nombor lapan. 65 peralatan tidak diserahkan semasa CPC ada. Jadi ada peralatan-peralatan yang tidak diserahkan sehingga 14 Julai 2014, 38 masih belum diserahkan. So, bila audit pergi pun masih belum serahkan. Bila serahan penuh Disember 2015. So, jadi kita nampak tidak siap, peralatan pun tidak masuk, serah. Pada Disember 2015 bila audit sudah pergi baru dia orang cepat-cepat masuk.

So, jadi isu sembilan iaitu DLP dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perjanjian. Ini yang tadi kita sudah sebutkan tadi itu, tanpa surat itu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Apa alasan dia?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Dia kata kalau ikut dalam jawapan awal dia kata semua barang-barang sudah serah tetapi bila buat *inspection* semula *room-to-room*..

Datuk Juhari bin Haron: *Physical*...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: ...*Physical* tidak ada dan dikatakan serahkan lagi 98 yang tidak ada, yang 98 ini adalah barang-barang perubatan, yang kecil-kecil semua sekaligus.

Datuk Juhari bin Haron: Berapa orang pergi tengok? Kesihatan, JKR, Audit bersama...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Kesihatan pergi tengok balik, JKR pun pergi.

Seorang Ahli: Maksudnya baru lagilah.

Datuk Juhari bin Haron: Yes, so ini pun sudah...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Yes, itu selepas empat tahun daripada tarikh CPC baru diselepas Laporan Audit barulah dia...

Datuk Juhari bin Haron: *Payment* penuh.

Encik Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu pakai *mic*.

[Perbincangan secara tanpa rekod] Pembesar suara dimatikan]

Datuk Juhari bin Haron: Okey, kita sudah bincang isu sembilan tadi kita bincang panjang tadi iaitu DLP-DLP itu, RM2.85 juta.

Next, kita pergi kepada isu sepuluh iaitu empat lif bernilai RM2.03 juta direka dan dipasang tidak mengikut *spec*. Ini tidak ikut *spec* macam semalam yang ini *spec* dia kecil *compare* dengan *design*, betul? So, ada gambar? Itu tunjuk gambar isu dia. Terkini dua bukaan pintu lif...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sangkutlah katil ini...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Ya, sangkut.

Datuk Juhari bin Haron: Tidak boleh tutup pintu.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Dia kena buka peralatan semua letak atas *ration*. Jadi saya...

Datuk Juhari bin Haron: Itulah tidak ikut *spec*...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Okey, sekarang lawatan Audit yang terkini yang telah dibuat 16 April untuk memastikan tengok apa lagi yang tidak buat. Didapati isu keretakan dinding bangunan- gambar-gambar. *Condensation* berkulat, resapan air menitik-titik, kebocoran. Okey itu sahajalah. Itu nampak bocor. Okey sekian, terima kasih. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada apa?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Bilakah sebenarnya pembayaran terakhir selepas *retention sum* itu dilepaskan.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan]

■1150

Dr. Tan Seng Giaw: Itu Langkawi, tidak ada ya, tidak ada hospital di Langkawi itu.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *The whole complex...**[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] Pembesar suara dimatikan]

Dr. Tan Seng Giaw: Panggil ya.

[Saksi-saksi dari kementerian dan jabatan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, terima kasihlah. Kita ada daripada Kementerian Kesihatan Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min dan kita daripada Kementerian Kesihatan ada 16 orang. Daripada Kementerian Kerja Raya kita ada Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar, dan Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha dan seterusnya kita ada lapan daripada Jabatan Kerja Raya. Saya berterima kasih kepada semua yang hadir, kita berharap dapat jawapan daripada kedua-dua kementerian supaya kita dapat selesaikan masalah berkenaan dengan hospital. Sila.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min [Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia]: Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Naib Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selamat pagi juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa PAC. Izinkan saya mula dengan memberikan sedikit latar belakang berhubung dengan Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat dan juga sedikit mengenai pengenalan projek dan juga menyentuh berhubung dengan penemuan audit.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, sedikit sejarah Hospital Batu Pahat ini, ia bermula pada tahun 1894 sebagai sebuah Rumah Sakit Batu Pahat, terletak di Simpang Rantai dan kemudian dalam tahun 1914 ia berpindah ke Jalan Batu Pahat, Kluang sebagai hospital daerah. Dalam tahun 1981 berkembang *structure* secara fizikal dan naik taraf pada hospital daerah dengan perkhidmatan kepakaran. Dalam tahun 1991, pembinaan hospital baru berkonsepkan hospital nukleus telah dilaksanakan di Jalan Koma dan pada tahun 1994 ia berpindah ke hospital baru di Jalan Koma, naik taraf ke hospital berpakar *major*.

Dalam tahun 2012 diisytiharkan sebagai rasmi kepada Hospital Sultanah Nora Ismail iaitu perasmian pada 10 Oktober 2012. *Next*, sedikit gambaran yang sekeliling Hospital Sultanah Nora Ismail. Antara perkhidmatan kepakaran di hospital tersebut adalah *emergency*, *general medicine* ataupun perubatan am, *general surgery*, perbidanan dan sakit puan, kanak-kanak, bius, ortopedik, mata, kesihatan mental, ENT, bedah mulut dan buah pinggang.

Sedikit latar belakang mengenai penggunaan katil. Dari segi *hospital bed* atau katil, kita terdapat 516 katil di hospital ini untuk penduduk di Batu Pahat seramai lebih kurang 420,000 orang. *Bed occupancy rate* adalah dalam lingkungan 70 peratus dan *average length of stay* di mana pesakit tinggal di hospital adalah lebih kurang tiga hari. Statistik pada tahun 2016 adalah 3.22 hari. *Turn over internal*, *turn over* penggunaan katil ini adalah dalam 1.27 hari dan *average daily admission*, dengan izin, yang masuk adalah 114.9 orang pada tahun 2016.

Seterusnya, sedikit pengenalan mengenai projek, maklumat am kontrak projek ini. Kaedah pelaksanaan projek ini adalah melalui reka bina dan syarikat dilantik melalui rundingan terus. Nama kontraktor adalah Sejagat Bakti Sdn. Bhd. Kos projek dibagi kepada dua pakej, pakej pertama kerja tanah RM3 juta dan pakej 'B' adalah kerja naik taraf sebanyak RM197.7 juta. Total, jumlah besarnya adalah RM200.7 juta.

So, tarikh setuju terima pakej A adalah 29 Oktober 2017 dan tarikh SST pakej B adalah 25 Februari 2008. Tarikh projek siap, tarikh CPC adalah 1 Jun 2011 dan tarikh siap asal adalah 15 Disember 2010. Ada satu EOT atau lanjutan masa diberikan iaitu sebanyak 90 hari dan tarikh siap projek sebenar adalah 30 Mei 2012. Agensi pelaksana adalah di bawah Cawangan Kerja Kesihatan, pihak JKR dan Pengarah Projek adalah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan JKR.

Sedikit maklumat perunding, yang ini standard. Kita ada *architecture civil* dan *structure, mechanical, electrical, QS, medical planner*, perunding IT dan *independent checker*. Untuk projek ini, blok tambahan ini sebanyak 202 katil pesakit telah dibina dan antara skop kerja-kerja bangunan adalah naik taraf dewan bedah, wad kecemasan, enam wad tambahan, *high dependency ward*, makmal *blood bank, central sterilize services department*, ruang untuk *computerize tomography* dan pendaftaran masuk di Hospital Batu Pahat.

Berhubung dengan auditan yang telah dijalankan oleh pihak Audit Negara, sebanyak 13 isu telah dibangkitkan dan dalam *AG desk board* sebanyak sepuluh telah selesai dan tinggal tiga lagi masih belum selesai. So, boleh Yang Berhormat Naib Pengerusi saya terus kepada isu yang belum selesai sahaja? Ya, ada tiga isu yang belum selesai dan dalam tindakan iaitu Sijil Perakuan Siap Kerja, tempoh tanggungan kecacatan dan hentian bas/teksi. Untuk itu mungkin saya boleh jemput Ketua Pengarah JKR untuk *address* isu yang belum selesai kerana ia berkaitan lebih dengan Kementerian Kerja Raya. Ya, Dato' Sri Roslan *you nak jawab? Or you want to read?*

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha [Ketua Pengarah Kerja Raya]: *Proceed.*

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *Okay, alright, I just use the slide.* Mungkin saya teruskanlah dan Dato' Sri Roslan boleh tolong jawab kalau ada soalan tambahan. Penemuan satu iaitu projek lambat di siap selama 90 hari dan lewat diserahkan oleh Sejagat Bakti pada KKM selama 12 bulan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja atau CPC dikeluarkan.

Seperti yang telah dimaklumkan, penemuan Audit mendapati projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 33 bulan tetapi kontraktor tidak dapat menyiapkan keseluruhan projek tersebut dalam tempoh yang ditetapkan. JKR telah memberi kelulusan lanjutan masa selama 90 hari bermula 16 Disember 2010 hingga 15 Mac 2011. Bagaimanapun projek ini hanya dapat diserahkan pada kementerian pada 30 Mei 2012 iaitu setahun selepas tarikh perakuan siap kerja.

So maklum balas daripada pihak kami, ialah merujuk kepada surat JPA bertarikh 2 Disember 2015, tujuh pegawai telah disyorkan untuk diambil tindakan tatatertib. Dua pegawai disyorkan untuk tindakan tatatertib namun telah bersara dan seorang pegawai bersara wajib 10 Disember 2015, dimulakan prosiding segera. Kes ini juga telah dipanjangkan untuk tindakan SPRM kerana terdapat unsur keraguan dalam tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor dan perunding.

■1200

Syor juga telah diambil tindakan dan keputusan tindakan tatatertib juga telah dikeluarkan oleh pihak JPA. Satu bengkel penyelarasan penutupan kecacatan bagi perakuan siap membaiki kecacatan CMGD telah diadakan pada 20 hingga 21 Disember 2016. Dalam mesyuarat CMGD pada 4 April 2017

memutuskan CMGD masih belum dapat dikeluarkan dan pihak kontraktor diberi masa selama dua minggu untuk menyelesaikan kecacatan.

So, cadangan penambahbaikan ekoran daripada penemuan Audit tersebut ialah mengikut kontrak pembelian lanjutan masa EOT dan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja adalah di bawah bidang kuasa pengarah projek dan pegawai penguasa sepenuhnya. Peruntukan klausa bagi pengeluaran CPC 2002 telah dipinda melalui kontrak *Design and Build Contract Revision 1/2010*. Pihak JKR juga telah melaksanakan *Program Lessons Learnt* sebanyak dua kali setahun bermula dari tahun 2015. Bagi pemilihan kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja hospital hendaklah berdaftar dengan CIDB dengan pengkhususan berkaitan dan mempunyai pengalaman serta kemahiran di dalam pembinaan hospital. Kontraktor juga disyaratkan untuk mengguna pakai *Building Information Modelling* di dalam fasa reka bentuk dan pembinaan.

Dalam penemuan kedua, izin saya teruskan Tuan Pengerusi. Tempoh tanggungan kecacatan, *defects liability* dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perjanjian kerana CPC dikeluarkan setahun lebih awal. So, semakan audit mendapati *defects liability period* telah dilanjutkan sehingga 29 Mei 2014 iaitu pelanjutan selama setahun di atas persetujuan di antara syarikat iaitu Sejagat Bakti dan JKR. Pelanjutan dibuat kerana JKR lewat menyerahkan bangunan Hospital Batu Pahat kepada KKM iaitu selepas setahun daripada tarikh CPC. Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan JKR telah menghantar perjanjian tambahan nombor dua bagi pelanjutan tempoh tanggungan kecacatan kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya dan Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya telah menolak cadangan tersebut kerana bertentangan dengan klausa kontrak dan perjanjian tambahan dibuat selepas tamat tempoh kontrak.

Maklum balas yang dikemukakan adalah pelanjutan tempoh tanggungan kecacatan secara pentadbiran dan dengan persetujuan kontraktor tanpa sebarang kos dan perbelanjaan adalah selaras dengan syor Penasihat Undang-undang KKR di dalam surat yang tersebut di atas pada 14 Oktober 2014. Sehingga 17 April 2017, kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan dan proses konfigurasi dan kolaborasi akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Sebagai cadangan penambahbaikan iaitu sekiranya pihak JKR ingin memanjangkan tempoh tanggungan kecacatan sesuatu projek, persetujuan atau surat aku janji kontraktor adalah memadai dengan syarat pelanjutan itu tidak melibatkan implikasi kos kepada kerajaan. Tambahan lagi, pihak JKR tidak akan mengeluarkan CMGD selagi masih ada kecacatan yang tidak diperbaiki.

Penemuan ketiga ialah berhubung dengan Hospital Batu Pahat memerlukan sebuah hentian bas atau teksi di luar kawasan hospital. Bagaimanapun, syarikat Sejagat Bakti telah menaik taraf kemudahan hentian bas dan teksi sedia ada di dalam kawasan hospital dengan kos berjumlah RM44,600. Kerja bagi menaik taraf kemudahan ini adalah tidak sesuai memandangkan kemudahan hentian bas dibuat di atas tapak sedia ada dengan kapasiti yang sama.

Maklum balas ya, tapak perhentian bas sedia ada dapat memenuhi kehendak pelanggan. Oleh yang demikian, cadangan untuk melaksanakan kerja pemuliharaan dan menaik taraf perhentian bas

sedia ada sahaja telah dipersetujui oleh pihak arkitek. Status setakat 6 April 2017, pihak Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan JKR mengesahkan bahawa tiada pelarasan harga kontrak yang diperlukan bagi kerja-kerja pengubahsuaian perhentian bas memandangkan pihak kontraktor tidak akan mengemukakan tuntutan terhadap lebihan kos pengubahsuaian sebanyak RM1,629 iaitu melebihi kos kontrak sebanyak RM44,600. Itu sahaja, sekian Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasihlah. Saya jemput Yang Berhormat Limbang kerana dia *engineer*. *Engineer* yang bekerja dengan JKR lebih 22 tahun.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Mr. Chairman*, saya rasa yang *SO manage* projek ini JKR. Mungkin saya rasa kita hendak dengar apa penjelasan JKR dahulu sebelum kita *proceed*.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya Dato' Sri, Dato', Datuk yang saya hormati sekalian. Kalau boleh saya tambah sedikit apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min, KSU Kementerian Kesihatan tadi di mana untuk projek Hospital Batu Pahat ini, ia dilaksanakan mengguna pakai konsep reka dan bina iaitu 100 peratus dilaksanakan oleh kontraktor dengan perkhidmatan perunding disediakan oleh pihak kontraktor juga. Di mana pihak JKR adalah sebagai *auditor* dalam hal ini dan pengawasan di pihak JKR dalam projek kontrak reka dan bina, kita tidak menyediakan sepenuh ataupun *the full team* sebab kita *suffice*, dengan izin, watak-watak ataupun personaliti tertentu sahaja termasuk ukur bahan *and the couple of our engineers* dalam hal ini. Bersama kita juga pada hari ini merupakan terdiri juga salah seorang ahli ataupun wakil *SO* yang turut mengawasi projek pada ketika itulah.

Jadi berbalik kepada kontrak reka dan bina ini Yang Berhormat, di mana sebenarnya saya sebutkan tadi, keputusan dari segi reka bentuk, dari segi penyiapan kerja, disahkan oleh perunding-perunding yang telah pun dilantik oleh pihak kontraktor. Seperti mana yang disebutkan juga tadi, kontraktor ini merupakan kontraktor reka dan bina runding terus bukan *open tender*.

Jadi ekoran daripada penemuan pertama tadi, mengapa projek lambat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan kepada pelanggan ataupun KKM, ini adalah didapati walaupun projek...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dato', *before you continue*, ada *few questions* sahajalah sebelum *we go to detail*. *Do you have a project management consultant for this project?* Tidak ada PMC? Tidak ada PMC?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Kita tidak ada *because* projek dilaksanakan oleh JKR, memang kita tidak lantik PMC. Akan tetapi di bawah *design and build*, mereka mempunyai dia punya PM ataupun projek *manager and their own consultant*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey. Keduanya soalan kita ialah *all the consultants* dalam projek ini siapa yang lantik dan siapa bayar? Kerajaan terus bayar kepada mereka atau *the contractor* yang bayar mereka.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Kontrak reka dan bina, semua bayaran dibuat oleh kontraktor sendiri. Waima pelantikan, pemilihan perunding juga dibuat oleh kontraktor. Oleh sebab itu di

bawah cadangan kebaikan ataupun maklum balas untuk penambahbaikan, kita mencadangkan, pihak KKR dan JKR mencadangkan untuk projek-projek *design and build* lantikan terus, mereka diwajibkan untuk mengguna pakai BIM iaitu *Building Information Modelling*. Dalam masa yang sama, perunding-perunding yang bakal dilantik perlulah perunding yang telah pun mendapat kelayakan pendaftaran dengan pihak CIDB. Jadi, kita bukan memilih sewenang-wenangnya perunding yang ada di *market*. Itu antara penambahbaikan yang kita syorkan di mana pihak JKR telah pun menghantar surat cadangan kepada MoF dan kita masih lagi menunggu jawapan daripada MoF dalam hal ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Limbang? Teruskan. Ada ulasan lagi?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Ulasan disebabkan kelewatan tadi di mana disebabkan terdapatnya *defects* Yang Berhormat, maka dengan itu kita tidak serahkan kepada pihak pelanggan, KKM dalam masa yang telah pun ditetapkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja tarikh yang disebutkan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri KSU tadi, kalau tidak silap saya Disember 2012, *defects liability period* akan berlangsung pada tarikh tersebut 30 Mei 2012 sehinggalah dua tahun akan datang...
[Disampuk]

■1210

Untuk *design and build* is dua tahun. Okey. Walau bagaimanapun, sekiranya *defect* tidak dibuat dalam tempoh tersebut, ia masih lagi tergantung, bermakna tindakan masih wajib dilaksanakan oleh kontraktor sebenar dan sekiranya kontraktor tidak laksanakan, maka pihak JKR boleh melantik pihak ketiga dan kita akan caj kepada kontraktor ataupun kita boleh rampas, guna duit wang jaminan pelaksanaan ataupun apa-apa insurans, bon yang telah pun disediakan dalam kontrak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini Dato' ya *just* untuk supaya *clear* sikitlah. Ertinya bila projek ini dah siap, *practical completion* ia tidak diserahkan kepada Kementerian Kesihatan untuk digunakan. *Is it? Is that so* bila dah siap?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Saya difahamkan Yang Berhormat ya- saya minta bantuan daripada *people* yang *on side*. Saya difahamkan walaupun CPC telah dikeluarkan, dalam hal ini, *CPC if I can-* saya minta maaf. Kalau boleh saya ceritakan sikit apa definisi CPC iaitu *Certificate of Practical Completion* dan dikeluarkan oleh SO.

Dalam hal ini, SO-nya macam mana yang dipamerkan tadi adalah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan pada ketika itu. Daripada pemerhatian beliau dan daripada keputusan ataupun saranan pengesahan daripada perunding di mana SO mendapati pada ketika itu CPC boleh dikeluarkan. Akan tetapi dalam hal ini, CPC tak semestinya projek itu tidak selamat ataupun tidak siap sepenuhnya. *There are bound to be certain* kata orang itu *defect here and there* dan sekiranya boleh dipersetujui, kita anggap itu sebagai kecacatan ataupun *defect* dan *defect* tersebut akan ataupun perlu dibaiki dalam tempoh *defects liability period* ataupun tempoh kecacatan tadi di mana untuk kontrak reka dan bina adalah selama dua tahun.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Jasin, boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, kita dapati projek ini patutnya siap, siap asal pada 15 Disember 2010 tetapi kerana ada kelewatan, projek ini diserahkan pada 30 Mei 2012. Betul ya? Selepas itu *defects liability period* sehingga 30 Mei 2013. Akan tapi kita lihat di sini, walaupun CPC telah dikeluarkan pada 1 Jun 2011, maknanya lebih kurang hampir satu tahun selepas itu baru kita serah. Kita dapati APK ada dikeluarkan pada 23 Januari 2014. Maknanya, ini selepas enam bulan selepas *defects liability period* pada 30 Mei 2013.

Soalan saya yang kedua pula, setelah CPC dikeluarkan, kita dapati ada lagi empat OT dan wad ICU tidak boleh digunakan dan 65 peralatan tidak diserahkan semasa CPC dikeluarkan. Baru dikeluarkan- dia *supply* barang itu pada 14 Oktober 2015. Soalan saya.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Yang Berhormat, setahu saya, tarikh *defects liability period* sebenarnya dia yang terkini adalah tamat pada bulan ini. Yakni bermakna kalau kita kira balik dua tahun ke belakang, di mana semuanya masih lagi di bawah tanggungjawab kontraktor utama, tidak melibatkan apa-apa perubahan dan tidak merugikan pihak kerajaan disebabkan bahawa *defect* tak siap sepenuhnya. Jadi dalam hal ini, ia masih lagi *valid* sehingga bulan ini iaitu tahun 2017. Itu yang saya difahamkanlah. Kemungkinan ...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: 2017?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Ya.

Seorang Ahli: April.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: April iaitu bulan ...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Berapa lama DLP itu?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: DLP kalau ikut sebenarnya dua tahun tapi memandangkan projek ini lewat diserahkan, jadi secara tak langsung, dia punya *defects liability period* itu *carry on*, berlanjutan sehingga diserahkan dan sehinggalah tarikh ataupun bulan ini di mana itu merupakan tarikh terakhir tanpa kata orang itu pada saya, sekiranya kalau kontraktor itu menuntut kos-kos tambahan, itu tidak boleh dilayan ataupun di-*entertain*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: ...*JKR now, giving DLP from the time you deliver the whole project* ataupun you kira sehingga dia lambat atau bila-bila. *What is the process? What is the normal practice?*

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: *Normal practice* macam yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat adalah dua tahun untuk kontrak reka dan bina. Akan tapi untuk projek ini, memandangkan prestasi kontraktor tidak baik, dengan demikian, kontraktor tidak berjaya untuk siap dalam tempoh di awal DLP tadi. Walau bagaimanapun, kontraktor telah membaiki sebahagian daripada *defect* cuma ada dua tiga perkara yang masih lagi *pending*...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dato', mencelah Dato' ya.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Macam ini Dato', rasanya kami ini pun ada keliru sedikit. Cakap betul ya. *Why do not you minta Dato' explain the timeline* daripada ini bagi *clear* sedikit. *Timeline*

dia punya daripada mula-mula projek ni di-award, *hanging over side* sampailah siap *and then defect and then* tadi ada memanjang lagi setahun itu. Boleh tak? *So we will take note of that.*

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Boleh saya minta *our people, Surveyor Amran.*

Sr. Amran bin Mohd Majid [Juruukur Bahan, Jabatan Kerja Raya]: *Assalamualaikum* Yang Berhormat Dr. dan Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya dalam kontrak kita, reka dan bina 2002 ini dua tahun DLP. *If you look at this slide* tadi tarikh siap semasa 15 Mac 2011. Kalau campur dua tahun, 14 Mac 2013.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak, tidak. Maksud kami ini daripada awal, *we start from the beginning when you hand over the project*, bila sepatutnya siap dalam kontrak, yang patut-patutnya lah yang asal. Lepas itu baru kita cerita pasal perubahan tarikh itu *because of these people so that because of VO, because of material-kah whatever. The real things in the first place sepatutnya and then what all the changes because of all those unforeseen circumstances.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: Terima kasih. Mohon maaf tadi ya. Projek ini sepatutnya siap 1 Jun 2011.

Seorang Ahli: 2000...

Sr. Amran bin Mohd Majid: 2011. *Sorry.* Tarikh siap asal 15 Disember 2010 tetapi...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tarikh asal apa?

Sr. Amran bin Mohd Majid: 2010. 15 Disember 2010.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: 15 Disember. Siap asal ya?

Sr. Amran bin Mohd Majid: Siap asal. Kemudiannya, lanjutan masa telah diberikan selama 90 hari di mana dilanjutkan ke 15 Mac 2011. Kemudiannya tarikh CPC adalah 1 Jun 2011. Lepas itu sepatutnya mengikut kontrak, dia dua tahun DLP-nya....

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Daripada?

Sr. Amran bin Mohd Majid: 1 Jun 2011. Jadi dua tahun, 2013. Lepas itu kontraktor telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh DLP setahun lagi selepas itu. Jadi, 2014 lah, 1 Jun 2014 lah, sepatutnya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:Kontraktor kah atau kita bagi?

Sr. Amran bin Mohd Majid: Kontraktor yang *willing to extend another one more year.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sebab?

Sr. Amran bin Mohd Majid: Sebab ada lagi *defect* yang belum dia baiki.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Reason* dia kenapa dia lambat baiki *they are supposed to used it, repair it within two years.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Yes, correct.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Why did he did not...?*

Sr. Amran bin Mohd Majid: Dia ada *their own* masalah-masalah dia sendiri, pengurusan dan sebagainya. *So because of that* kita pun terima dia punya surat persetujuan kita. Lepas itu *until today, they are supposed to complete by this month, April 2017.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Maksudnya, kenapa 2017 lagi? Ini dah campur satu tahun...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Dua tahun.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Dua tahun, tidak. Dah tiga tahun dah DLP ini. 1 Jun 2014, sorry. *Three years DLP already.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Correct.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *And then* bila dia ...

Sr. Amran bin Mohd Majid: Ada lagi *small, small defect* yang dia tak baiki lagi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey. *Hospital take over* bila ini dalam tarikh ini?

Sr. Amran bin Mohd Majid: Hospital telah mengambil alih pada 30 Mei 2012.

■1220

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: 30 Mei 2012, *that is another one year later.* Tambah satu tahun lagi DLP itu. Empat tahunlah?

Sr. Amran bin Mohd Majid: Oh! Tidak, tidak, *it's still* tiga tahun *actually.* Akan tetapi, *it's just that they are still doing the defect* fasal kita tidak isu lagi CMGD *because under the contract* selagi mana kita tidak isu CMGD oleh pengarah projek, tanggungjawab dia kekal.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *What is CMDB? Nobody understand that.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: Mohon maaf. Mohon maaf Yang Berhormat. *Certificate of making good defects,* perakuan siap memperbaiki kecacatan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, *be clear.* Dia CPC 01.06.2011 dapat dua tahun DLP. Sepatutnya siap DLP itu 1 Jun 2013. Dia minta lagi satu tahun sebab dia belum buat habis *repair.* So, 21 June 2014 *that means* sini sudah tiga tahun. Jadi, daripada 2014 ini 30 Mei 2012, *another one year* ini apa ini? *What is happening here?*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *The date are making a good defects.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Okay,* *that time* hospital belum masuk lagi. Belum di gunakan lagi hospital ini?

Sr. Amran bin Mohd Majid: Hospital masuk 30 Mei 2012, dia sudah masuk dah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: 30 Mei 2012 baru hospital *take over.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Yes correct.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Jadi, *that means* 1 Jun 2014 sampai 30 Mei 2012 *contractor is still making repairing defects.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Correct.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Jadi, kalau saya tengok sini macam empat tahun sahaja. Betul tidak?

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Until today* kalau lagi lamalah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Jadi, masih- *I mean that is why* kita hendak *very frank*-lah. So, you see *this want* sudah tiga tahun. 2011 sampai 2014 sudah tiga tahun dia *repair, defects liabilities*

period. Sudah tiga tahun sekarang. Jadi, yang kita hendak tahu ini *between* Jun 2014 sampai yang sampai sekarang 2017 yang Dato' cakap tadi itu buat apa lagi itu?

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *They are still making defects. Ada lagi more defects coming in.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Oh! That means six years DLP?*

Sr. Amran bin Mohd Majid: DLP tidak *six years*. DLP sudah berakhir. Akan tetapi, *we still did not issue the CMGD because the obligations still remain.* Walaupun DLP sudah berakhir...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey.

Sr. Amran bin Mohd Majid: *...Until we issue the CMGD for us to use the final account their liabilities remains under the contract.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Are we making good what they are not entitled too? Are we making good?*

Sr. Amran bin Mohd Majid: Ada lagi sikit, tidak habis yang *keyword* itu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Kita *retention fund* berapa lagi, 5 percent?

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *We still have about RM2 millions over Yang Berhormat and then dalam tahun dua ribu, bila projek diserahkan kita sudah start beroperasi, the hospital is there. Only that, all these isu-isu yang belum selesai...*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Berapa hari bulan hospital masuk *take over*?

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *Take over 30 Mei 2012.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *You pindah itu.*

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Pindah ke blok baru *and* sudah *start operation*. Hospital sudah di pakai sekarang. Memang di pakai tetapi masih ada masalah. *So, we don't want to release the money. The contractor will insist, they make good of all in the sense*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *So, in another word. QS siapa?... [Disampuk] Encik Amran, that mean dalam masa hospital sudah take over 30 Mei 2012, DLP is still going onlah ya? Until sekarang ini pun masih juga repair while the hospital is in operation.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Is in operation. Yes.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *What are the defects yang dia belum habis-habis sampai 2017 ini? Boleh tahu sikit? Panjang sangat itu ya. Lebih kurang ya.*

Ir. Burhanuddin bin Abdul Rahman [Jurutera Penguasa, Jabatan Kerja Raya]: Saya Burhanuddin, Jurutera mekanikal yang untuk menjaga projek ini. Isu yang sekarang ini yang masih lagi belum selesai ialah isu *condensation*. Daripada *air conditioning* punya *ducting* dan *condense water*, *condense* di dalam *ducting* dan jatuh ke bawah. *So*, kita sedang membaikinya. Pihak kontrak sedang membaikinya tetapi pembaikan tersebut apabila siap di satu *area* dia akan pergi ke *area* lain pula. *So*, pembaikan itu berterusanlah nampaknya setakat hari ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Means the problem condensation ini all over-lah?*

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Boleh saya tambah sini Yang Berhormat. Okey, saya difahamkan standard yang diguna pakai untuk mereka bentuk bangunan ini adalah guna pakai standard lama. Iaitu untuk *piping* kerja-kerja *air conditioning* ini dahulu menggunakan *polyethylene* (PE). Sekarang ini kita telah ubah kepada standard terkini iaitu *polyurethane* (PU) di mana *polyethylene* lama ini isu *condensation* telah berlaku dan sebagai penambahbaikan pihak pereka bentuk JKR sekarang telah mengubah *design*.

Memandangkan ini, kontrak ini reka bentuknya mengguna pakai yang lama. Begitu juga dari segi kontrak, guna kontrak lama. Jadi, penambahbaikan pada ketika itu tidak ada cuma sekarang sahaja. Antara penambahbaikan yang kita buat untuk kontrak-kontrak akan datang...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Minta maaf Dato' ya. Ini yang spesifik dahulu untuk projek ini dahulu Dato' ya. *That one is your future* punyalah ya. Jadi, sekarang ini yang berapa *percent* lagi tinggal dia hendak *repair* baikkkan semua *the whole thing* ini. *Condensation problem* ini. Berapa lagi tinggal? Agak-agaklah.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *Maybe*. Saya jawab ya Yang Berhormat. Dalam kita punya rekod ada lagi masih 32 aduan lagilah yang kita perlu lagi *settlekan*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: 32 itu *out of* berapa asalnya?

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *Out of 4,198*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Banyak juga.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *Yes. All* termasuklah. *When we go in. We find all this, we complaint and then they have to make good*.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Boleh saya tambah lain. Kita kena *differentiatekan* antara aduan dengan *defects*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ya.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Ini aduan. Aduan daripada *end users*, daripada orang ramai dan sebagainya dan dia akan *collect* dan dia laporkan. Macam itu. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak apa. *It's okay, just that we want to get it clear*. So, *the contractor* berjanji hendak siapkan bila ini? *Repair* ini. Semua ini? Yang aduan baru itu lain ceritalah. Yang sudah dari asal ini. Yang empat ribu lebih tadi ini bila agak-agaknya dia hendak selesaikan semua? Kalau tidak *there will be no ending. You cannot close the contract. You see*.

Ir. Burhanuddin bin Abdul Rahman: Ya betul. Kita telah mengadakan mesyuarat pelarasan CMGD pada 4 April baru-baru ini. Dengan harapan, kita boleh menyerahkan hospital. Kita boleh *close* semua CMGD ini, semua pembaikan *defects* ini. Malangnya, ada satu lagi *defects* yang masih tidak dapat di selesaikanlah yang saya sebutkan tadilah. Isu resapan sebenarnya. Resapan. So, kontraktor telah berjanji sehingga daripada empat hari bulan hari itu kita bagi dua minggu untuk selesaikan sehingga 18 hari bulan semalam, dua minggu... [Disampuk] April. Semalamlah kita bagi.

Akan tetapi, sehingga semalam pihak hospital masih tidak bersedia untuk menerimanyalah. Jadi, nampak gayanya pihak JKR dan kontraktor terpaksa masih kena lagi membuat pembaikanlah. Akan

tetapi, apa yang boleh saya kata sedikit perbaikan *just* hendak menyiapkan isu itu sahaja. Cuma tinggal satu sahaja lagi *out of 4,198* aduan yang kita terima.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Saya tambah Yang Berhormat. *Condensation* juga ini adalah akibat daripada budaya penggunaan pakai kita. Okey, di mana hospital kita sedia maklum bahagian-bahagian tertentu memerlukan *air conditioning* 24 jam. Okey, ada bahagian yang kurang 24 jam. Jadi, sekiranya bahagian yang perlu pakai 24 jam dan tingkap di buka dan sebagainya. Jadi, maka itu secara tidak langsung akan *attract* ataupun menyedut udara panas ke dalam dan perbezaan *temperature* dan sebagainya akan berlakulah *condensation*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ya. *We understand that Dato'*. Maksud kita yang rosak awallah. Bukan disebabkan – sebab hospital sudah masuk dan sudah pakai. Kita faham itu. Ini yang awal rosak. Rosak-rosak awal ini. Kalau tidak *not fair to the contractor* juga. *It will be never ending*. Betul tidak? Disebabkan oleh penggunaan. Akan tetapi, maksud kita yang awal, asal ini. *You had to differentiate*kan, yang baru dengan yang rosak asal. *You know?* Ini yang maksud kita itu.

Jadi, yang tadi cerita yang 2017 itu apa pula yang dia punya? Tahun 2017 lah, *this supposed to be the one* lah. *The defects* ini. *Contractor promise* untuk membaiki ya? Okey. Jadi, kita hendak *forward* satu soalan lagi berkaitan dengan masalah tadi yang *operation theatre*. *What is the story behind* yang tidak boleh pakai seperti Yang Berhormat Jasin tanya tadi itulah. *The next question*.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Isu bila CPC sudah, *that is why* kita tidak *accept*, *we delays for one year because we found that* dia punya *certain* yang tidak memenuhi keperluan *user which is* Kementerian Kesihatan. Macam *the OT, the high dependency ward*, bunyi bising, *the lift and all this*. So, *that is why we ask the contractor to make good and all these*.

■1230

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Is that because of the condensation also or because of...*

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: *Condensation is- because we got* dalam 4000 lebih aduan itu *all of this* sudah *listed* sudah- *some of major, some of minor*. So, *major one could be the OT, the high dependency ward*. Saya sendiri sudah turun tiga kali bersama pengarah hospital, *we make sure the contractor to monitor and they make good-lah*. So, *that is why* sampai sekarang *only the few issues* yang masih belum- *some of it are repetitive* Yang Berhormat, dia sudah *repair* tapi berulang lagi, so kita tidak terima, kita masih kekal sebagai aduanlah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Jasin, ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya siapa kah sebenarnya yang melantik *consultant* kita dan apakah *consultant* kita sentiasa melaporkan dan bekerjasama dengan pihak *principal*, dalam konteks ini kementerian tentang apakah kemajuan projek- *what are the defect* dan lain-lain, daripada *consultant*.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kontrak ini merupakan kontrak reka dan bina, pelantikan, pemeriksaan kualiti dan sebagainya adalah perunding yang dilantik

oleh kontraktor sendiri dan pihak JKR tidak terlibat di atas pelantikan mana-mana perunding di bawah reka dan bina.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Soalan saya tadi sebab saya hendak tahu kalaulah *consultant* ini dilantik oleh pihak kontraktor, ini sebenarnya perkara utama yang berlaku kerana *defect* kita hanya dapati selepas penyerahan. *Defect* bukan kecil-kecil, *defect* besar-besar, betul tidak? Bukan sahaja keretakan, lepas itu banyak peralatan tidak dibuat dan juga *operation theater* tidak boleh berfungsi kerana dilantik oleh- akan tetapi, kita hendak tahu siapakah pegawai pengawal?

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Saya hendak tanya sikit Tuan Pengerusi. So, mengenai pelantikan, apa peranan sebenar JKR mainkan dalam keseluruhan untuk memantau projek ini termasuk-tengok kalau dia terpulang kepada macam kontraktor boleh lantik *consultant* dan lain-lain. So, apa peranan sebenarnya JKR. Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia atau JKR yang pantau keseluruhan. So, untuk mengelakkan apa yang- macam lif, macam katil pun tidak boleh masuk lif. Ini semua akan melibatkan pembaziran dan kewangan.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Okey, di bawah konsep reka dan bina Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain, lantikan pemilihan memang dibuat oleh kontraktor, *role* dan *responsibility* JKR adalah sebagai pelaksana projek ini dengan mengguna pakai kaedah reka dan bina dan sebagaimana yang saya sedia maklum di awal tadi sebagai *auditor*, okey.

Berbanding dengan konsep reka dan bina ini autoriti lebih kepada pihak kontraktor dan perunding di pihak mereka. Okey, *role* JKR agak kurang di sini sebab itu kita pakai reka dan bina. Namun sekiranya *conventional contract role* JKR adalah lebih pada saya boleh kira lebih banyaklah mungkin *surveyor* Amran boleh perjelaskan selaku pakar dalam *procurement* atau perolehan, silakan.

Sr. Amran bin Mohd Majid: Minta maaf dengan izin Tuan Pengerusi, Yang Berhormat yang lain. Reka dan bina kontraktor *must appoint the consultant, consultant will do the standing supervision as well*. Dato' Sri Ketua Pengarah kata tadi *for conventional project* JKR yang buat *standing supervision*. *In this case for design and build in term of contract is clear*-lah kontraktor punya *consultant would do the supervision. Their job then they would pass all their testing-* dia punya laporan kemajuan to JKR *and we will audit*.

Jadi kita lebih kepada pentadbiran kontrak *rather than actual supervision and designing*-lah. *That's why*-lah *different*.

Datuk Koh Nai Kwong: Okey, *does it mean we have to help the consultant liable as well. If you are assuming the rdesign is not suitable, you know*.

Sr. Amran bin Mohd Majid: *We will not actually help in the ascend we will audit sahaja. We will point out there are place to relook at this design, see about it, can you make the needs statement-* benda-benda macam itu sahajalah. *It is because is about liability of this design. If we were to get in the government maybe also drag-in in liability as well*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Can we put this way*-lah Encik Amran. Jadi ertinya masalah pintu lif kecil, *condensation*, apa semua ini hanya kita ketahui selepaslah- JKR *only knows about*

it later on because you only audit on management sahaja. Jadi yang point our mistake masa hospital hendak masuk pada 30 Mei itu, jadi pihak hospital dengan consultant sahajalah jalan tunjuk ini tidak elok, ini tidak elok, itu tidak elok. Is that so KSU?

During this 4000 over defects tadi itu. You ada cakap tadi 4000 over-kan?... [Disampuk] Aduan dan sebagainya itu- bila you all sudah masuklah 30 Mei, is it ? Only then you gather this you pick it up and then you serah dengan consultant-lah, kontraktorlah. These are all the defects, we want to you repair it, right. We will not accept it, is that so? And then this one also bring- diserahkan kepada JKR juga rasanyalah untuk pengetahuan. I see.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Dalam masa yang sama Yang Berhormat dengan izin kalau boleh saya tambah. Kalau ikut prosedur pembinaan kita, kita ada buat macam semakan pra penyerahan, di mana di situ juga sekiranya ada perkara-perkara yang tidak menepati ataupun ada kecacatan dan sebagainya kita senaraikan bersama-sama dengan senarai aduan ataupun defect daripada end user ataupun pelanggan.

Semuanya itu nanti akan diserahkan kepada kontraktor melalui perunding yang dilantik untuk mengambil tindakan dalam tempoh tanggungan kecacatan tadi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, terima kasih. *I think I have enough of it.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya rasa saya pun terperanjat hari inilah, walaupun perkara ini projek ini adalah rundingan terus dan kontraktor boleh melantik consultant sendiri. Saya tanya tadi siapa pegawai pengawal, pegawai pengawal ini mustahak. *He is the one who's going to supervise the whole project and his not only doing the audit but to ensure that all job is actually according to spec.* Kita tidak boleh berdasarkan daripada consultant sebab consultant is employ by contractor. *If I'm employed by the contractor, I work for the contractor, I'm not working for the principal. In this case principal is kementerian.* Itu sebab kita hendak tanya macam mana – apa sebenarnya tanggungjawab pegawai pengawal dalam perkara ini.

Sr. Amran bin Mohd Majid: *I agree in that sense there are some weakness* Yang Berhormat minta maaf ya. *For again, problem with design and build under the akta if I'm- dengan izin, Akta CIDB dia kata kontraktor hanya boleh construct. So to design under the respective Akta Pendaftaran Jurutera they have to employ architect and engineer to actually design and supervise. That reason why, we in our contract design and build we said contractor kena melantik perunding. That's why design and build is single point liability.*

Masalah JKR sekarang dalam keadaan di mana kita tidak supervise, kita ada limitation in our auditing-lah. *We can only audit certain thing based on document they submit to us-lah. So that is the weakness of us-lah.* Kalau kita buat standing supervision like Yang Berhormat Dato' Sri kata *that will be different argument then we know exactly what is happening and tambah lagi kalau kita design we know where is the weakness that we can ratify.*

In this situation, it came about selepas di serah then only the defect arises and will begin to kenal pasti 4000 lebih. That's the weakness of design and build.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Akan tetapi, apa sahaja kaedah dalam *bill* tapi sebelum itu dia kena hantar kita punya *detail drawing which actually now is not only being supervise by us for maintenance*- kita kena endorse dulu *and we have got to ensure this job is actually in accordance to the design that submitted to us*. Pasal walaupun dia kontrak katakanlah dia lantik dia punya *consultant* tetapi kita yang meluluskan segala *drawing*.

■1240

How to ensure that this people actually not doing the job an accordance to the one that we have their proof. Makna kita boleh tahu kita kata *I know because I will come and audit*. Audit hanya *periodically*, tidak selalu kan?

Sr. Amran bin Mohd Majid: *For design and build, this design we don't have a standing supervision team. Our people, pasukan projek kita were not be at site all the time. In fact is consultant punya team is at the site all the time. So, I agree lah in that aspect ada kelemahan dari sudut itulah for not us to be able actually closely monitor and scrutinize the drawing and the workmanship lah.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ya lah secara *direct*-lah ya, *design consultant* dalam *this project*-lah ya, semua *design*, lukisan dia apa semua *who check their design before dia proceed? Who check their design, design*-lah tidak payahlah masa *construction* itu, *you don't have any standing officer*-kan, mandurlah jaga projek.

Datuk Koh Nai Kwong: SO kan?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Siapa yang *check* dia punya *design* ini?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Kalau boleh saya jawab Yang Berhormat. *Okay, the job is not under SO, because konsultan yang dilantik adalah profesional konsultan. By right* itu sebab kita pakai kaedah *design and build, they are so call professional and there's no way JKR selaku- walaupun sebagai SO* dalam hal ini untuk menyemak 'A' sampai 'Z'. Apa yang kita semak bahawa konsultan perlu mematuhi *the needs statement. Okay, needs statement* secara deskriptif, *not to be detailing aspect of design* di mana di bawah konsep reka dan bina adalah tanggungjawab perunding-perunding yang *so call* berdaftar dengan *Board of Engineers*. Mereka yang ada PE, AR dan sebagainya.

Sr. Amran bin Mohd Majid: Tambahan Yang Berhormat. Mohon maaf. *The terms of contract* yang kita ada sekarang dia tidak mensyaratkan PD kena semak- *Project Director* kena semak lukisan *and the way design and build has been practice when we negotiate the design is just concept design. They developed the design during construction, so we don't check to stop the construction and delay the disruption of the construction. So, di PT* memang dia tidak akan semak, tetapi *what they check* seperti Dato' Sri KP kata *to make sure they at least it a pay in made the requirement of the statement. The detailing* itu *we don't have time and we are not bound to check pun because the terms don't allow was to check or a silent for us to check*. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Macam ini, *we don't have full control of the project. Is it?*

Sr. Amran bin Mohd Majid:*In other words* lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *In other words.*

Sr. Amran bin Mohd Majid: *Conquered Yang Berhormat, in terms of the designing and supervision know, we can only control it in terms of contract administration, that's all lah. They are full design and the supervision under design and build, the raise at the control is transferred to the contractor as a single upon liability entity.*

Dr. Tan Seng Giaw: Encik Rosli?

Encik Rosli bin Yaakub: Yang Berhormat Naib Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri KSU dan juga KP JKR, sebenarnya sebelum *meeting* ini kita telah di-*brief* oleh Audit dan saya difahamkan dan digambarkan dalam taklimat awal tadi ialah JKR adalah SO.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: PD.

Encik Rosli bin Yaakub: Ya, PD. Dalam *pre discussion* tadi memang kita akui banyak kes-kes misalnya kes yang melibatkan tatatertib. Memang ada asas-asas yang mengatakan bahawa JKR ialah agensi pelaksana. Apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat ini hendakkan ialah hendak memastikan apakah peranan JKR di dalam pelaksanaan projek ini sebenarnya. Apa yang saya faham ialah peruntukan sememangnya diberi kepada kementerian tetapi kementerian telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana itu yang difahamkan dalam *meeting* awal tadi.

Akan tetapi apa yang Ahli-ahli Yang Berhormat ini hendak adalah disebabkan terlalu banyak *delay all these* dia punya kerja dan sebagainya, di mana peranan JKR sebenarnya untuk memastikan kerajaan dilindungi dalam aspek-aspek kerugian dan sebagainya. Itu yang saya ingat kena bagi satu penjelasan yang betul kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini, saya ingat.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok daripada carta yang tertera dalam skrin ini, walaupun tarikh sebenar serahan kepada KKM adalah pada 30 Mei, tetapi *along the way* itu ada berlaku masih lagi kecacatan ataupun tanggungjawab yang tidak diambil oleh pihak kontraktor. Dalam masa yang sama di pihak JKR selaku *Project Director* di bawah konsep reka dan bina, memang kita memantau dan mengarahkan kontraktor untuk buat tetapi kompetensi kontrak kita dalam hal ini tidak memberangsangkan. Mereka buat tetapi semasa lepas mereka buat masih juga berlaku kecacatan semula ataupun kebocoran atau *condensation* dan sebagainya.

Jadi kita masih lagi memantau. Dari segi aspek kerugian, pada kami tidak merugikan apa-apa sebab selagi kontraktor membaiki kecacatan as per *specification*, as per kehendak pelanggan dan JKR selaku *Project Director* selagi itulah *Certificate of Making Good Defects* (CMGD) tidak akan dikeluarkan dan kontraktor masih lagi dipertanggungjawabkan. Kita juga boleh melantik pihak ketiga. Dalam hal ini mungkin wakil SO, wakil *Project Director* belum lagi melantik, saya tidak pastilah. Kita boleh mengambil tindakan sedemikian dan apa-apa kos akibat daripada pembaikan *defects* tersebut akan kita rampas ataupun kita guna peruntukan dalam bon tersebut.

Bermakna dari segi kerugian tidak ada lagi kecuali ia tidak menunjukkan kesungguhan ataupun seolah-olah kontrak ini berleretan ataupun berlarutan. Ini yang dia punya kata orang itu dari segi

perception-nya lah. *But as far as the hospital is concern, it is being used now* dan beberapa defect sedang diambil tindakan walaupun belum siap sepenuhnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak bahagian ya, tetapi itulah adakah Sejagat Bakti ini dapat projek sejagat juga? Jadi projek-projek hospital yang lain, adakah pernah ia dapat projeknya?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Kalau mengikut pemahaman saya Yang Berhormat Naib Pengerusi tidak adalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada ya.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah ini EPU yang melantik Sejagat Bakti?

Puan Adena binti Ahmad: Bukan Yang Berhormat. Bukan, EPU tidak melantik kontraktor, yang melantik kontraktor adalah Kementerian Kewangan. EPU hanya meluluskan siling, peruntukan pembangunan sahaja Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ya. Jadi MOF lah ya. Ada pertanyaan daripada MOF?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Yang Berhormat, semua projek selektif tender rundingan terus dan sebagainya mesti dapat kebenaran daripada pihak Perbendaharaan ataupun Kementerian Kewangan lah. Soitu bukan kuasa dipihak JKR mahupun dipihak KKM.

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi ada beberapa soalan daripada audit termasuk saya hendak tanya itu projek lambat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan kepada Kementerian Kesihatan selama 12 bulan dan seterusnya dan ada *ex-gratia*, itu EOT *payment* tidak- *ex-gratia* dimohonkan dari kontraktor.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Yang Berhormat, perkataan *ex-gratia* ini dalam kontrak sebenarnya tidak ada, ia lebih kepada pentadbiran ataupun amalan yang diamalkan. Kontraktor akan memohon lanjutan masa ataupun EOT sekiranya kelewatan disebabkan oleh pihak-pihak- oleh sebab-sebab tertentu contohnya kelewatan diberi tapak ataupun masalah dipihak kerajaan dan sebagainya. Jadi EOT tidak diberikan sekiranya kelewatan dipihak kontraktor sendiri. Jadi EOT diberi disebabkan oleh pihak kerajaan, pelanggan mahupun contohnya berlaku banjir ataupun bencana alam dan sebagainya, di situ berdasarkan dalam klausa-klausa dalam kontrak, maka EOT diberikan.

Jadi EOT bukan sewenang-wenangnya diberi kepada mana-mana kontrak walaupun kuasanya adalah di tangan SO ataupun *Project Director*.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi di Batu Pahat ini adakah bencana alam sehingga kita keluarkan bagi EOT *ex-gratia* ini?

■1250

Encik Mohd Fadzli bin Abdul Sukor [Jurutera, Jabatan Kerja Raya]: Tuan Pengerusi, *actually* yang lanjutan masa untuk...

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]: *Mention- his name.*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tolong...

Datuk Roosme binti Hamzah: Nama.

Dr. Tan Seng Giaw: Namanya tolong.

Encik Mohd Fadzli bin Abdul Sukor: Nama saya Fadzli daripada JKR. *Actually for this* projek Hospital Batu Pahat, lanjutan masa nombor satu yang diberi atas akibat kenaikan harga besi pada tahun 2008 yang secara automatik yang diberi oleh kerajaan. Itu yang orang kata diberi kepada kontraktor Sejagat Bakti.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Is that* mengikut Pekeliling, ada satu Pekeliling itu?

Encik Mohd Fadzli bin Abdul Sukor: Pekeliling yang dikeluarkan oleh *Treasury*.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okey, okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Itu boleh diterima.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Itu boleh terima. Kita boleh terima.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tahun bila?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Sampai 2010 kah hari itu.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Tuan Pengerusi, saya membantu. Saya mahu memperjelaskan maksud daripada Tuan Pengerusi tadi, berhubung dengan *ex-gratia*. Kontraktor memohon *ex-gratia* LAD RM2.85 juta kerana kontraktor dikenakan LAD dan juga asas kepada *ex-gratia* yang dipohon oleh kontraktor kerana pertama tadi EOT dan juga keduanya berkenaan dengan pemanjangan tempoh DLP setahun. Tadi Yang Berbahagia Dato' sebut tidak ada kos, tetapi sebenarnya ada kos. Kontraktor memohon LAD berdasarkan pemanjangan tempoh DLP selama setahun dan juga APK dikeluarkan selepas daripada tempoh kontrak.

Permohonan awal kepada *Treasury*, *Treasury* tolak. Kemudian JKR menyokong permohonan kontraktor untuk diluluskan *ex-gratia*. Ini daripada JKR sendiri, bukan daripada *Treasury*. Kemudian barulah *Treasury* meluluskan. Tuan Pengerusi tadi, adakah apa-apa peraturan JKR boleh syor supaya diluluskan *ex-gratia* kerana pemanjangan tempoh DLP sebab kita maklum tadi, pemanjangan tempoh DLP dibuat tanpa kontrak dan kontraktor sebut tidak ada kos tetapi RM2.85 juta kita *wave because* pemanjangan tempoh kontrak selama setahun tadi. Mohon penjelasan.

Sr. Amran bin Mohd Majid: Buat masa ini, mohon maaf Tuan Pengerusi. Buat masa ini menurut *the existing circular*, *ex gratia* hanyalah di bidang kuasa *Treasury*. Akan tetapi, peranan Jabatan Kerja Raya melalui Jawatankuasa CCP atau *Contract Coordination Panel* itu, permohonan dibuat kepada Jawatankuasa CCP dan kita akan buat *due diligence and* buat *recommendation to Treasury and up to Treasury to decide*. So, as it is now I don't think- I am not so sure, so far tidak adalah *ex gratia for LAD for this* kontraktor. Tidak ada lagilah kepada Sejagat Bakti ini Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada *ex gratia*...

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Tidak ada. *This one* dalam penemuan audit dalam isu nombor enam, memang kita sudah beri maklum balas Tuan Pengerusi, tidak ada *ex-gratia* EOT diperuntukkan

dalam kontrak seperti yang dipohon oleh kontraktor dan tiada kelulusan *ex-gratia* EOT dikeluarkan. So, EOT tidak layak dan tidak diluluskan serta LAD telah dikenakanlah.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: RM2.85 juta kita *impose*.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Ya. Kita sudah jawab dalam maklum balas dan telah pun diterima oleh Audit dan sudah dalam *dashboard* pun sudah *clear*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Maksud saya RM2.85 juta itu tidak *impose*?

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Tidak *impose*. Tidak *impose*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Tidak *impose*?

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Ya. *According to* ini ya.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Tidak *impose*.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Ya? Tidak *impose*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Satu lagi Tuan Pengerusi, disebut tadi bahawa *defects* tadi selepas kita serah. Kalau ikut apa yang berlaku *even* dalam surat-menyurat dan perbincangan antara pihak hospital dengan JKR sendiri, *defects* yang *major* telah dikesan lebih awal sebelum CPC dikeluarkan sekali pun. Dalam satu keputusan Mesyuarat Penyelarasan Harga Bilangan 3 pada 27 dan 28 Disember 2011, JKR maklum kepada pihak hospital bahawa disyorkan penyelarasan secara *partial* kerana ada lagi *major defects* yang belum selesai seperti OT *because* OT adalah *main of* aktiviti di hospital.

Then kalau kita sudah tahulah memang tidak boleh diserahkan, tidak boleh buat syor supaya *partial*, kenapa tidak keluarkan mesti ada *partial* tetapi kenapa dikeluarkan CPC sedangkan projek ada lagi *defects*. Bukan *minor*, *major defects* yang menyebabkan OT tidak boleh *function*. Kenapa diluluskan juga, dikeluarkan juga *defects*? Kesan daripada CPC tadi, kita keluarkan CPC, menyebabkan tempoh dilanjutkan pula.

Dato' Sri Dr. Chen Chaw Min: Saya *just* tidak – Mungkin soalan tersebut saya tidak dapat jawab dengan tepat tetapi *that is why* kita ada siasatan *and* dapati yang pegawai-pegawai itu *taken action for their failure to carry out their job well* Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Saya hendak betulkan sedikit ayat inilah. Ya lah kita kata kita dapati bahawa kontraktor ini tidak membanggakan. Tidak membanggakan. *We are not blackmarking them. For that matter, we don't put actually on them other blackmark or anything.* Akan tetapi bila kita kata kita tidak ada kerugian, *we won't be here if there is no* kerugian. Fasal apa, *the time loss is* kerugian. *Can you imagine?* Fasal kalau orang kata, *by right all those patient are able to make a good use of the hospital but because of the delays* kontraktor yang tidak membanggakan ini tadi, maka kerugian masa itu adalah duit.

That is money. Kita tidak boleh sebut kata kita tidak ada kerugian. *You have got to employer man.* Kita kena hantar pegawai kita buat pemeriksaan, Jabatan Audit kena pergi semua. *That is money,* itu kerugian. Kita rugi duit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang. Pendapat Yang Berhormat Jasin itu, kelewatan memang satu kerugian juga. Satu kerugian dan misalnya lif-lif itu dibuat dengan tidak betul sehingga katil-katil itu susah dipindah dan sebagainya, itu satu kerugian juga. Itu sesuatu ketidaksesuaian untuk pesakit-pesakit yang terpaksa mengalami masalah seumpama ini. Adakah kementerian dan JKR itu bercadang supaya kita tidak melantik lagi kontraktor itu untuk projek hospital di Malaysia?

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Memang, sekiranya kelewatan penyiapan mengakibatkan kerugian secara tidak langsung sebenarnya. Oleh sebab itu kita mencadangkan untuk penambahbaikan pembinaan hospital di masa akan datang, kita telah mewajibkan *if we got approval from MoF* untuk semua kontraktor yang membuat projek hospital perlu menggunakan pakai *Building Information Modelling (BIM)* di mana dengan adanya BIM ini, ia boleh memberi satu reka bentuk yang *perfect*. Tidak ada kata orang itu, kepincangan, *short fall* dan sebagainya.

Dalam masa yang sama, kita juga minta MoF bersetuju dengan cadangan kita iaitu semua perunding yang dilantik di bawah konsep reka dan bina perlu kata orang itu mempunyai CV yang baik dengan CIDB. Itu syor-syor, dua syor utama untuk projek hospital. Ini kerana mengikut pengalaman JKR, saya rasa KKM juga, sehingga kini *it is very difficult to get a very competent hospital contractor. If I can take this opportunity to mention*, kita ada satu projek hospital iaitu Hospital Pengajar Serdang, *I think that is one of the-* kata orang itu *iconic contractor in which we visited last two weeks, the contractor is very good. It is very good, if I can mention the name, we share everybody here, by the name AIM Concepts.*

Site yang bersih, *he knows how to manage the contract and I think very systematic.* Perundingnya pun profesional berbanding dengan kebanyakan projek hospital yang kita laksanakan. Saya minta maaf. *I think KKM also is facing the same dilemma. Simply because of this contractor* yang mendapat projek, saya minta maaf banyak, dapat projek hospital yang *non-competent and they got no experience in doing hospital project.*

Dr. Tan Seng Giaw: Ada siapa lagi hendak tanya kerana hampir jam 1 petang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Saya ya Tuan Pengerusi. Terima kasih. Daripada JKR Dato' ya? *I mean with the remarks Dato' tadi itu, actually* kita minta maaf Tuan Pengerusi, kita di PAC ini pun sudah macam-macam sudah jumpa fasal projek inilah. Mungkin daripada komen Dato' itu, rasanya kami PAC *concur* Dato' ya.

■1300

Mungkin *because JKR has been supervising*, mungkin jadi PMC, konsultan, *whatever for not only the hospital project then we do agree* permasalahan ini. Kalau tak, tak banyak hal projek masuk PAC. Mungkin JKR *can help to do this profiling because you are the technical body* yang tahu semua sejarah, latar belakang, kompetensi mereka. *We do this spec* walaupun *as we say just now, CIDB is the one but it looks like JKR knows better because they are the one who is on the ground.* Mungkin *help these two profile all these* we boleh kata *shortlist* ataupun *which contractor* yang layak untuk buat kerja mana, nilai berapa. Ini, ini. *This will help the government a lot and I am sure, we are very sure less project will come back to PAC.* Itu kita punya cadangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dah? Kita ambil kira cadangan itu dan kita ada banyak lagi termasuk Hospital Tampin itu macam-macam masalah timbul. Itu belum masuk lagi. Banyak lagilah. Ada soalan lagi tak daripada semua? Saudara Rosli? Tak ada dah ya. Kalau tidak ada, saya hendak terima kasihlah kepada ...

Dato' Abdul Razak bin Jaafar [Timbalan Ketua Setiausaha (Sektor Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya]: Tuan Pengerusi, mungkin saya boleh *last word from* Kementerian Kerja Raya. Saya Abdul Razak bin Jaafar, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

Daripada segi *the way forward* untuk projek-projek hospital ini, pihak Kementerian Kerja Raya bersama pihak Kementerian Kesihatan telah ada beberapa siri perbincangan. *Because* seperti mana Tuan Pengerusi *mention* tadi, memang kita melihat banyak projek hospital Kementerian Kesihatan bermasalah. *Because* ada dua yang kita *identify*, keupayaan daripada segi kewangan dan juga keupayaan teknikal pihak kontraktor yang dilantik, sama ada secara *selective tender* ataupun secara *direct nego*.

Jadi kita telah adakan beberapa siri perbincangan dengan Kementerian Kesihatan bersama dengan agensi pusat iaitu EPU dan ICU dan juga Cawangan Kejuruteraan Kesihatan JKR sendiri dan kemukakan cadangan penambahbaikan untuk projek-projek hospital di masa akan datang. Dari segi pelantikan kontraktor, mesti mengambil kira keupayaan teknikal dan juga kewangan.

Cadangan kita kepada Kementerian Kewangan yang akan terlibat dalam pelantikan ataupun dalam perolehan iaitu pelantikan kontraktor, daripada segi kewangan ada beberapa cadangan daripada kementerian yang telah dipersetujui bersama dengan Kementerian Kesihatan iaitu daripada segi modal kewangan untuk *net worth*, untuk nilai tahunan bebanan kerja sama ada melebihi 20 *percent* ataupun modal pusingan melebihi 10 *percent* daripada nilai tahunan bebanan kerja ataupun modal cair melebihi 3 *percent* daripada nilai tahunan bebanan kerja. Itu daripada segi keupayaan kewangan.

Keupayaan teknikal tadi Yang Berbahagia Dato' Sri Ketua Pengarah Kerja Raya ada *mention* tadi, kita mencadangkan juga kepada Kementerian Kewangan supaya nilai tahunan keseluruhan kerja tidak kurang 30 *percent* daripada nilai tahunan bebanan kerja dalam tempoh lima tahun pengalaman ke belakang dan juga tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima tahun ke belakang, terutama dalam menyiapkan projek dan juga dari segi mutu kerja.

Tadi untuk perkara baru juga, BIM tadi salah satu, *Building Information Modeling* dan juga kod baru yang telah diperkenalkan oleh CIDB iaitu B29 - Kerja Bangunan Kesihatan. Ini syarat yang utama kerana selama ini mungkin kontraktor G7 sahaja yang terlibat dalam bangunan tetapi tidak ada *specialization on hospital*. Kemudian B04 - Kerja-kerja Pembinaan Bangunan dan kontraktor yang dicadangkan juga adalah mendapat skor atau rating yang telah ditentukan oleh CIDB sekurang-kurangnya tiga, 3 *Star*. Itu mungkin *some info* daripada kita kemukakan cadangan ini kepada pihak Kementerian Kewangan tetapi kita masih menunggu lagi keputusan daripada Kementerian Kewangan. Terima kasih Dato'.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasihlah.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini Yang Berhormat Limbang.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini Timbalan KSU- sekejap ya. Mungkin *also not only under contractor you know*, juga *profiling on all these consultants, imagine consultant young, young consultant*, baru dia empat tahun dah- pengalaman kurang. *So when come to designing here and there, you know what I means* lah ya. Mungkin ini juga *you boleh buat profiling jugalah the comment to the government*. Terima kasih.

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha: Yang Berhormat, *I wish to take about couple of minutes*, kalau boleh saya cakap sikit, tambah. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dalam PAC ini.

All the suggestions I think are superb, thank you so much. Di mana memang cadangan-cadangan daripada Ahli Yang Berhormat telah pun kita ambil maklum dan ada juga telah pun kita laksanakan. Memang JKR sebagai agensi teknikal kerajaan dan kita memang buat *profiling*. Begitu juga untuk profil ataupun *screen* perunding-perunding di mana pihak JKR bersama dengan MoF telah pun siap satu *database* untuk *screen all the consultants* di mana kita akan bagi rekod, *report card* kepada semua konsultan yang berdaftar begitu juga kontraktor sekarang ini. Jadi kontraktor pun kita ada penilaian sebelum mula kerja, semasa pembinaan dan selepas siap kerja. *So now we are going all out* daripada segi menilai prestasi kontraktor dan kita *share information* bersama dengan kementerian-kementerian lain agar perkara yang sedemikian tidak berulang lagi, Yang Berhormat.

Sebagaimana yang TKSU KKR, KSU KKM dan kita sendiri syorkan tadi, *the way forward is what* kita bentangkan tadi *and* kalau bolehlah *even though the project* reka dan bina dan sebagainya, *we should collect the best and have good track record for the contractor*. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih semulah. Terima kasih sekali lagi kerana hadir, kerana memberikan jawapan yang diharapkan boleh digunakan kelak.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.07 petang]



**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC)**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2014 SIRI 3**

**PROJEK MENAIK TARAF
HOSPITAL BATU PAHAT, JOHOR**

19 APRIL 2017
(RABU JAM 10.30 PAGI)

JABATAN AUDIT NEGARA

LATAR BELAKANG PROJEK

Tawaran kepada Sejagat Bakti Sdn Bhd telah dikeluarkan pada 25.02.2008 bagi projek menaik taraf Hospital Batu Pahat, Johor bernilai RM200.7 juta secara Rundingan Terus. Kerja Tanah (RM3 juta) & Kerja Naik Taraf (RM197.7 juta).

Perjanjian telah ditandatangani pada 16.10.2008 dan dilaksanakan secara Reka dan Bina bagi tempoh selama 33 bulan (16.03.2008-15.12.2010).

Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR telah bertindak sebagai Pengarah Projek.

Projek telah diserahkan kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu 12 bulan selepas CPC dikeluarkan.



SKOP

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi tempoh tahun 2008 hingga 2015. Pengauditan telah dijalankan di JKR, KKM & Hospital Batu Pahat

METODOLOGI

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual pegawai juga telah diadakan di lokasi projek.



RINGKASAN PROJEK

• Nama Kontraktor	:	Sejagat Bakti Sdn Bhd
• Kos Projek	:	RM200.7 Juta
• Tempoh Kontrak	:	16.03.2008 – 15.12.2010 (33 Bulan)
• Tarikh Surat Niat	:	24.04.2007
• Tarikh SST	:	25.02.2008
• Tarikh Kontrak	:	16.10.2008
• Tarikh CPC	:	01.06.2011
• Tarikh Serah	:	30.05.2012
• Tempoh DLP	:	01.06.2011 – 31.05.2013 (Tambahan - 31.05.2014)
• Jumlah EOT	:	1 (16.12.2010 – 15.03.2011)
• LAD	:	RM2.85 Juta – Dikecualikan RM13.34 Juta – Tidak Dikenakan



RINGKASAN PERBINCANGAN

1

Perjanjian kontrak lewat ditandatangani - 8 bulan selepas SST dikeluarkan.

2

Projek lambat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan kepada KKM selama 12 bulan setelah CPC dikeluarkan..

3

Kelulusan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM801,700 dibuat selepas 9 bulan kontrak ditandatangani.

4

Perkhidmatan pengangkutan berjumlah RM700,700 diguna dan diluluskan menyalahi kehendak peraturan.

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



RINGKASAN PERBINCANGAN

5

Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM99,409 dibuat selepas tamat tempoh kontrak.

6

CPC dikeluarkan sedangkan Dewan Bedah dan Wad ICU tidak boleh digunakan/berfungsi - LAD berjumlah RM13.34 juta tidak dikenakan.

7

Wad HDW/ICU tidak boleh digunakan kerana bunyi bising (51 dBA) dari bilik *Air Handling Unit* (AHU).

8

65 Peralatan tidak diserahkan semasa CPC dikeluarkan. Sehingga 14.07.2015, 38 peralatan masih belum diserahkan.

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



RINGKASAN PERBINCANGAN

9

DLP dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perlanjutan kerana CPC dikeluarkan setahun lebih awal.

10

4 lif bernilai RM2.03 juta direka dan dipasang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan katil ICU tidak boleh dimasukkan ke dalam lif sepenuhnya.

11

Lawatan Audit Pada 16 April 2017

10

Syor Audit


Projek Menalk Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



1

Perjanjian kontrak lewat ditandatangani - 8 bulan selepas SST dikeluarkan.




Projek Menalk Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



2

Projek lambat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan kepada KKM selama 12 bulan setelah CPC dikeluarkan.




Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



3

Kelulusan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan berjumlah RM801,700 dibuat selepas 9 bulan kontrak ditandatangani -



Ulasan Audit : Permohonan sepatutnya dibuat sebelum SST dikeluarkan

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



4

Perkhidmatan 3 pengangkutan berjumlah RM700,700 diguna dan diluluskan menyalahi kehendak peraturan.

B. BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

1. Butir-butir Permohonan untuk khidmat pengangkutan

- i) Pegawai-pegawai JKR yang akan menyelia projek dan mentadbir kontrak (Guna Format Lampiran D2)
- ii) Justifikasi Permohonan

Bili	Kriteria	Tindakan 'Ya' atau 'Tidak'	Jika 'Ya' jelaskan masalah
a.	Masalah akses ke tapak bina.	Tidak	
b.	Jika projek bangunan, saiz projek melebihi 40 ekar.	Ya	Keluasan tapak 44 ekar 3 r 33 p.
c.	Jika projek jalan/pip, bekalan air, tidak terdapat akses pada jarak tidak kurang 1 km.	Tidak	
d.	Kawasan tapak bina yang sukar dilalui	Tidak	
e.	Kenderaan Jabatan tidak mencukupi	Ya	Pihak GKK, IPJKR KL tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi dan pasukan penyelia perlu ke tapak pengawasan projek secara close monitoring.

Keluasan Projek Adalah 10.5 Ekar

Tiada Kriteria Dalam Peraturan

Projek Menakl Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



4

Perkhidmatan 3 pengangkutan berjumlah RM700,700 diguna dan diluluskan menyalahi kehendak peraturan.

SPP BIL. 13 TAHUN 1999 - 4 KRITERIA

STATUS

KEADAAN

Jalan masuk tidak berturap dan sukar dilalui - hanya boleh dilalui oleh kenderaan 4WD;

X

Hospital dalam kawasan taman perumahan

Melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas melebihi 40 ekar;

X

Kawasan pembinaan 10.5 ekar

Pembinaan projek berbentuk linear yang tidak ada akses di sepanjang jajaran nya melebihi 1km;

X

Jalan masuk sementara kurang 1km.

Melibatkan kawasan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpaya dan sebagainya.

X

Dalam kawasan hospital sedia ada

Projek Menakl Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>





TOYOTA RAV4
RM300,700

HONDA CRV
RM200,000

HONDA CRV
RM200,000

JUMLAH RM700,700

6. HAK MILIK KENDERAAN DAN PERALATAN.

6.1 Kenderaan dan peralatan tersebut adalah hak milik kontraktor dan sentiasa di bawah kawalannya. Penyelenggaraan kenderaan dan peralatan tersebut adalah terletak di bawah tanggungjawab kontraktor berkenaan.

6.2 Agensi Kerajaan dikehendaki memulangkan semua peralatan tersebut kepada kontraktor berkenaan sebaik sahaja Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor <http://www.audit.gov.my>




5

Arahan Perubahan Kerja dibuat selepas tamat tempoh kontrak - menggantikan kemasapan *gypsum board ceiling* kepada *aluminium strip ceiling* - Menyebabkan *Improper Payment* berjumlah RM99,409

Architech Instruction
21.02.2011


TAMAT KONTRAK



```

graph LR
    A((TEPOH KONTRAK  
16.03.08 -  
15.12.10)) --> B((EOT  
15.03.11))
    B --> C((CPC  
01.06.11))
    C --> D((23.01.14  
APK))
    E[Architech Instruction  
21.02.2011] --> C
    F[TAMAT KONTRAK] --> C
    
```


Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor <http://www.audit.gov.my>



7

6

- CPC dikeluarkan sedangkan 4 OT dan Wad ICU - tidak boleh digunakan/berfungsi antara 2 - 5 tahun
- LAD berjumlah RM13.34 juta tidak dikenakan (365 hari)



Projek Menakl Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



7

Wad HDW/ICU tidak boleh digunakan kerana bunyi bising (51dBA) dari bilik Air Handling Unit (AHU) - tahap bunyi yang dinyatakan di dalam kontrak (35 – 40 dBA)




Projek Menakl Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



8

65 Peralatan tidak diserahkan semasa CPC dikeluarkan. Sehingga 14.07.2015, 38 peralatan masih belum diserahkan.




Projek Menak Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



9

DLP dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perjanjian kerana CPC dikeluarkan setahun lebih awal.



Projek Menak Taraf Hospital Batu Pahat, Johor



<http://www.audit.gov.my>



- Sejagat Bakti telah dikenakan **LAD berjumlah RM2.85 juta**. Pada **8 Mei 2014** Sejagat Bakti telah memohon **EOT secara ex-gratia dan pelepasan LAD** berjumlah RM2.85 juta kepada JKR.
- TKPKR pada 15 Mei 2015 telah membuat **pengesyoran** kepada MOF agar **pegecualian tersebut diluluskan** sungguhpun MOF pada 11 Februari 2015 telah menolak permohonan pegecualian LAD oleh Sejagat Bakti.
- Antara alasan permohonan oleh Sejagat Bakti adalah disebabkan oleh **Perubahan Kerja No. 1 bertarikh 29 November 2013** dan **tanggungan kos DLP yang melibatkan masa selama tiga tahun (2+1)**.
- **MOF telah meluluskan pegecualian LAD sebanyak RM2.85 juta pada 3 Julai 2015**.
- Adakah wujud **unsur penipuan** kerana CPC dikebelakangkan, CPC keluar projek tidak siap, DLP dilanjutkan dan LAD dikecualikan

5 Antara Perubahan Kerja berjumlah RM2.85 juta adalah sebagai kaedah tamat kontrak + mengasak ke hadapan. *approval board ceiling kepada pembebasan DLP.*

9 DLP 2 tahun (2+1) sebelum berakhir. Tempoh selangang bergantung kepada CPC yang akan berakhir. *Perubahan Kerja*



Projek Menak Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>




10

4 lif bernilai RM2.03 juta direka dan dipasang tidak mengikut spesifikasi menyebabkan katil ICU tidak boleh dimasukkan ke dalam lif sepenuhnya.



Terkini : 2 Bukaan Pintu Lif Dibesarkan & Beroperasi Sepenuhnya Pada 04.04.2017 Selepas LKAN 3/2014



LEKAPAN LENGKAP KATIL ICU BERSAMA 2 PARAMEDIK

Projek Menak Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>




11

Lawatan Audit Pada 16.04.2017

- Teguran masih belum diambil tindakan - Keretakan pada dinding bangunan.
- Isu berulang / berterusan - Kondensasi / kulat dan resapan air di aras bawah parkir kenderaan
- Isu tergantung – Kebocoran air pada tangki domestik di *cooling tower*
- Dokumen lengkap belum diserahkan – Lukisan Skematik Elektrik

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>


Isu : Keretakan Pada Dinding Bangunan
Lokasi : Aras 6A, Bilik AF-FVW-68A

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>





Isu : Kondensasi / Kulat
Lokasi : Aras 5B, Bilik Seminar



Isu : Resapan Air
Lokasi : Aras Bawah, Parkir Kereta

Projek Menalik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



Isu : Kebocoran Tangki Air Domestik
Lokasi : Chiler Cooling Tower

20170416_123841.mp4

Projek Menalik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>



12

SYOR AUDIT

- ✓ mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang cuai dalam pelaksanaan dan pengurusan kontrak sehingga menyebabkan peraturan mengenai kontrak kerja tidak dipatuhi seperti pengeluaran APK dan perlanjutan DLP selepas tamat tempoh kontrak dan perakuan CPC terhadap kerja yang belum siap;
- ✓ melaporkan kepada pihak berkuasa dan lembaga profesional berkaitan terhadap kerja yang tidak menepati spesifikasi kontrak/tidak sesuai/berkualiti rendah yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan kesihatan dan kemudahan pesakit/orang awam;

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>




SYOR AUDIT

- ✓ kajian perlu dibuat terhadap kemunasabahan tempoh pelaksanaan projek pembinaan hospital yang merangkumi kerja bangunan dan peralatan perubatan agar projek dapat dirancang dan dilaksanakan di dalam jangka masa yang munasabah;
- ✓ perjanjian kontrak perlu diteliti dengan sebaiknya dan memastikan kontrak tidak lewat ditandatangani dan terma kontrak dipatuhi sepenuhnya; dan
- ✓ LAD berjumlah RM13.34 juta perlu dikenakan terhadap Sejagat Bakti kerana CPC dikeluarkan walaupun kerja belum siap.

Projek Menaik Taraf Hospital Batu Pahat, Johor

<http://www.audit.gov.my>





Sekian, Terima Kasih

www.audit.gov.my



**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
BAGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

TARIKH : 19 APRIL 2017 (RABU)
MASA : 10.30 PAGI
TEMPAT : BILIK JAWATAN KUASA 1, TINGKAT 2, BLOK A,
BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN



  **PROJEK MENAIK TARAF
HOSPITAL SULTANAH NORA
ISMAIL, BATU PAHAT, JOHOR**

2

Isi Kandungan

- 1 LATAR BELAKANG HOSPITAL
- 2 PENGENALAN PROJEK
- 3 PENEMUAN AUDIT

9

LATAR BELAKANG HOSPITAL

4

SEJARAH

- **1894 - Rumah Sakit Batu Pahat Terletak Di Simpang Rantai**
- **1914 - Berpindah Ke Jalan BP - Kluang Sebagai Hospital Daerah Batu Pahat**
- **1981 - Perkembangan Struktur Fizikal Dan Naiktaraf Kepada Hospital Daerah Dengan Perkhidmatan Kepakaran**
- **1991 - Pembinaan Hospital Baru Berkonsepkan Hospital Nukleus Di Jalan Korma**
- **1994 - Berpindah Ke Hospital Baru Di Jalan Korma Naiktaraf Ke Hospital Berpakar Major**
- **2012 - Dilsytihar Secara Rasmi Kepada Hospital Sultanah Nora Ismail Bermula Pada 10 Oktober 2012**



FIRST HOSPITAL - 1894



SECOND HOSPITAL - 1914



PRESENT HOSPITAL - 1994



5



6

KHIDMAT KEPAKARAN KLINIKAL

1. *EMERGENCY* (Kecemasan)
2. *GENERAL MEDICINE* (Perubatan Am)
3. *GENERAL SURGERY* (Pembedahan Am)
4. *OBSTETRIC AND GYNAECOLOGY* (Perbidanan & Sakit Puan)
5. *PEDIATRIC* (Kanak-kanak)
6. *ANESTHESIOLOGY* (Bius)
7. *ORTHOPAEDIC* (Orthopedik)
8. *OPHTHALMOLOGY* (Mata)
9. *PSYCHIATRY* (Kesihatan Mental)
10. *OTORHINOLARYNGOLOGY* (ENT)
11. *ORAL AND FACIOMAXILLARY SURGERY*
(Bedah Mulut dan Fasiomaksillari)
12. *NEPHROLOGY* (Buah Pinggang)

7

PENGGUNAAN KATIL DARI TAHUN 2013-2016

Penggunaan	2013	2014	2015	2016
Hospital Beds	516	516	516	516
Bed Occupancy Rate	62.76%	69.48%	70.49%	71.70%
Average Length of Stay	3.15 DAYS	3.19 DAYS	3.09 DAYS	3.22 DAYS
Turnover Interval	1.87	1.40	1.29	1.27
Average Daily Admission (Patients)	102.78	112.96	117.77	114.90

8

PENGENALAN PROJEK



9

MAKLUMAT AM KONTRAK

PERIHAL	MAKLUMAT PROJEK
Kaedah Pelaksanaan Projek	Reka dan Bina
Kaedah Perolehan Projek	Rundingan Terus
Nama Kontraktor	Sejagat Bakti Sdn. Bhd.
Kos Projek	RM200.7 juta Pakej A - Kerja Tanah: RM3 juta Pakej B - Kerja Naiktaraf : RM197.7 juta
Tarikh Surat Setuju Terima Pakej A	29 Oktober 2007
Tarikh Surat Setuju Terima Pakej B	25 Februari 2008
Tarikh Projek Disiapkan (Tarikh CPC)	1 Jun 2011
Tarikh Siap Asal	15 Disember 2010
Maklumat Lanjutan Masa (EOT)	16 Disember 2010 – 15 Mac 2011 (90 hari)
Tarikh Siap Semasa	15 Mac 2011
Tarikh Serah Projek	30 Mei 2012
Agensi Pelaksana	Cawangan Kerja Kesihatan, JKR
Pengarah Projek	Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR.

10

MAKLUMAT AM PERUNDING

Bil.	Perunding	Skop Kerja
1	Prisma Athira Architect	Architect, Landscape Architect, Interior Designer
2	Kezo Consult	Civil & Structure
3	Jurutera Perunding Technigue	Mechanical
4	Iktisas Ingenieurs Sdn. Bhd.	Electrical
5	Pakatan International	Quantity Surveyor
6	Norma Design Practice Architect	Medical Planner
7	Oratis Services Sdn. Bhd.	Perunding IT, Equipment Planner
8	DPIK Project Management Sdn. Bhd.	Independent Checker

11

SKOP KERJA: PAKEJ B KERJA-KERJA BANGUNAN DAN BERKAITAN

- 202 Katil Pesakit.
- Naiktaraf Dewan Bedah.
- Wad Kecemasan.
- 6 Wad.
- *High Dependency Ward (HDW).*
- Makmal.
- *Blood Bank.*
- *Central Sterile Services Department (CSSD).*
- *Ruang untuk Computerized Tomography (CT Scan).*
- Pendaftaran Masuk di Hospital Batu Pahat.

12

ISU-ISU BERBANGKIT DALAM AG'S DASHBOARD

SELESAI

1. Perjanjian Kontrak
2. Perkhidmatan Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan - Kelulusan Penggunaan Pengangkutan Dan Peralatan
3. Perkhidmatan Pengangkutan
4. Arahan Perubahan Kerja (APK)
5. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan sedangkan sebahagian ruang utama iaitu Dewan Bedah dan Wad Intensive Care Unit (ICU) tidak boleh digunakan/berfungsi antara satu (1) hingga 4 tahun
6. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD)
7. Penggunaan Kemudahan - Peralatan Perubatan
8. Sinki Wad [gambar.pptx](#)
9. Lif [gambar.pptx](#)
10. High Dependency Ward [gambar.pptx](#)



13

ISU-ISU BERBANGKIT DALAM AG'S DASHBOARD

DALAM TINDAKAN

1. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
2. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)
3. Hentian Bas/Teksi



14

Penemuan 1

(Projek lambat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan oleh Sejagat Bakti kepada KKM selama 12 bulan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan)

Penemuan JAN:

Mengikut syarat kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 33 bulan iaitu daripada 16 Mac 2008 hingga 15 Disember 2010. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan keseluruhan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan. JKR telah memberi kelulusan lanjutan masa (EOT) selama 90 hari bermula 16 Disember 2010 hingga 15 Mac 2011. Bagaimanapun projek ini hanya dapat diserahkan kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu setahun selepas tarikh perakuan siap kerja pada 1 Jun 2011.

Maklumbalas :

- Merujuk kepada surat rujukan JPA.BK(R)174/2/9(OB) Jld.11(84) bertarikh 2 Disember 2015, tujuh (7) telah disyorkan untuk diambil tindakan tatatertib, dua (2) pegawai disyorkan untuk tindakan tatatertib namun telah bersara dan seorang pegawai bersara wajib 10 Disember 2015 dimulakan prosiding segera.
- Kes ini juga telah dipanjangkan untuk tindakan pihak SPRM kerana terdapat unsur keraguan dalam tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor/perunding termasuk bagi permohonan APK dan pengesahan CPC.
- Semua syor telah diambil tindakan dan keputusan tindakan tatatertib juga telah dikeluarkan oleh pihak JPA.
- Bengkel Penyelarasan Penutupan Kecacatan Bagi Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) telah diadakan pada 20-21 Disember 2016.
- Mesyuarat CMGD pada 04 April 2017 memutuskan CMGD masih belum dapat dikeluarkan dan pihak kontraktor diberi masa selama 2 minggu untuk menyelesaikan kecacatan.

15

Penemuan 1

(Projek lambat disiapkan selama 90 hari dan lewat diserahkan oleh Sejagat Bakti kepada KKM selama 12 bulan setelah Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan)

Cadangan Penambahbalkan:

- Mengikut kontrak pemberian lanjutan masa (EOT) dan pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) adalah dibawah bidang kuasa Pengarah Projek (PP)/ Pegawai Penguasa sepenuhnya.
- Peruntukan klausa bagi pengeluaran CPC 2002 telah di pinda melalui Kontrak (*Design and Build Contract revision 1/2010*).
- Pihak JKR juga telah melaksanakan Program *Lessons Learnt* sebanyak dua kali setahun bermula dari tahun 2015.
- Bagi pemilihan kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja hospital, hendaklah berdaftar dengan CIDB dengan pengkhususan berkaitan dan mempunyai pengalaman serta kemahiran di dalam pembinaan hospital.
- Kontraktor juga disyaratkan untuk menggunakan *Building Information Modelling (BIM)* di dalam fasa rekabentuk dan pembinaan.

16

Penemuan 2

(Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perjanjian kerana CPC dikeluarkan setahun lebih awal)

Penemuan JAN:

Semakan Audit mendapati DLP telah dilanjutkan sehingga 29 Mei 2014 iaitu perlanjutan selama setahun di atas persetujuan di antara Sejagat Bakti dan JKR. Perlanjutan dibuat kerana JKR lewat menyerahkan bangunan Hospital Batu Pahat kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu selepas setahun daripada tarikh CPC. Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan JKR telah menghantar Perjanjian Tambahan No. 2 bagi Perlanjutan Tempoh Tanggungan Kecacatan kepada Penasihat Undang-undang Kementerian Kerja Raya (PUU KKR) pada 21 Ogos 2013. PUU KKR pada 14 Oktober 2014 telah menolak cadangan tersebut kerana bertentangan dengan klausa kontrak dan perjanjian tambahan dibuat selepas tamat tempoh kontrak. Semakan juga mendapati perjanjian tersebut telah terlebih dahulu ditandatangani oleh Sejagat Bakti.

Maklumbalas :

Perlanjutan Tempoh Tanggungan Kecacatan secara pentadbiran dan dengan persetujuan kontraktor tanpa sebarang kos dan perbelanjaan adalah selaras dengan syor Penasihat Undang-undang KKR di dalam surat yang tersebut di atas bertarikh 14 Oktober 2014. Sehingga 17 April 2017, kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan dan proses konfigurasi dan kalibrasi akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

17

Penemuan 2

(Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dipanjangkan selama setahun tanpa sebarang perjanjian kerana CPC dikeluarkan setahun lebih awal)

Cadangan Penambahbaikan:

Sekiranya pihak JKR Ingin memanjangkan tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) sesuatu projek, perjanjian tambahan perlu dibuat sebelum tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) berakhir.

18

Penemuan 3

Penemuan JAN:

Hospital Batu Pahat memerlukan sebuah hentian bas/teksi di luar kawasan hospital. Bagaimanapun, Sejagat Bakti telah menaik taraf kemudahan hentian bas/teksi sedia ada di dalam kawasan hospital dengan kos berjumlah RM44,600. Kerja bagi naik taraf kemudahan ini adalah tidak sesuai memandangkan kemudahan hentian bas/teksi dibuat di tapak sedia ada dengan kapasiti yang sama.

Maklumbalas :

Tapak perhentian bas sedia ada dapat memenuhi kehendak pelanggan. Oleh yang demikian cadangan untuk hanya melaksanakan kerja pemuliharaan dan menaiktaraf perhentian bas sedia ada sahaja telah dipersetujui oleh HODT Arkitek melalui surat bertarikh 19 April 2011. Status setakat 6 April 2017, Pihak Cawangan Kontrak & Ukur Bahan, JKR mengesahkan bahawa tiada Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang diperlukan bagi kerja-kerja pengubahsuaian perhentian bas memandangkan pihak kontraktor tidak akan mengemukakan tuntutan terhadap lebihan kos pengubahsuaian sebanyak RM1,629.25 (melebihi kos kontrak RM44,600).

19

TERIMA KASIH

Healthcare



IT'S OUR RESPONSIBILITY

20